

DARIPADA Abu Umamah Al-Bahili, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
 "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehingga semut di sarangnya dan ikan di lautan pasti berselawat mendoakan kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia".

DPMM FC U18 BERPESTA GOL



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berangkat menyaksikan perlawanan tersebut. Juga berangkat, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Oleh : Muhammad Khairulanwar
 Ali Rahman
 Foto : Mohamad Azmi
 Haji Awang

JERUDONG, Ahad, 11 Januari. - DPMM FC Bawah 18 Tahun (U18) mempamerkan aksi memberangsangkan dalam saingan Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 U18 apabila membelasah Dagang FT dengan jaringan 10-0 dalam perlawanan yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, petang tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Turut menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, selaku Ketua Pasukan.

>> Muka 3

Menyebarkan serta memperkukuh ilmu manasik haji

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Januari. - Jabatan Urusan Haji (JUH), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah telah mengadakan Muzakarah Haji Kali Ke-33 Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU.

Muzakarah berkenaan bertujuan untuk menyebarkan serta memperkukuh ilmu manasik haji dalam kalangan peserta, khususnya dari segi pemahaman falsafah dan penghayatan ibadah haji, di samping memperjelaskan isu-isu hukum yang timbul semasa pelaksanaan manasik haji dan umrah oleh para jemaah pada Musim Haji Tahun 1446H/2025M yang lalu.

Muzakarah juga bertujuan memberi gambaran dan situasi keadaan terkini kepada guru-guru pengkursus di Tanah Suci, Arafah, Mina seperti kemudahan-kemudahan yang disediakan, ekspektasi-ekspektasi yang dihadapi oleh bakal jemaah haji semasa berada di Tanah Suci dan apa jua dasar serta peraturan Kerajaan Arab Saudi yang telah ditetapkan serta memperjelaskan pengurusan haji Negara Brunei Darussalam (NBD) dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

>> Muka 5

115 pelajar terima bantuan persekolahan

Siaran Akhbar : Jabatan Pembangunan Masyarakat

JERUDONG, Sabtu, 10 Januari. - Seramai 115 orang pelajar menerima kupon bantuan persekolahan daripada Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu pada majlis yang berlangsung di Rumah Dar Al-Intishar, Kompleks Sukan Jerudong, hari ini.

Penyampaian bantuan persekolahan ini

>> Muka 4

Lemonade Riot juara Pertandingan Kugiran Tanah Air

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BERAKAS, Ahad, 11 Januari. - Kumpulan Lemonade Riot dinobatkan sebagai juara pada Pertandingan Kugiran Tanah Air Peringkat Akhir yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, hari ini.

Juara membawa pulang hadiah wang tunai BND4,000 berserta trofi dan sijil penyertaan.

Manakala naib juara yang membawa pulang hadiah wang tunai BND3,500, trofi dan sijil penyertaan disandang oleh Kumpulan Jingga dan tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan De' Octave,

menerima hadiah wang tunai BND2,500 berserta trofi dan sijil penyertaan.

Anugerah Pemuzik Terbaik pula diberikan kepada Pengiran Ahmad Lutfi bin Pengiran Haji Aminuddin dari Kumpulan De' Octave.

Tiga lagi kumpulan yang melayakkan diri ke peringkat akhir tersebut iaitu Kreazey Lions & The Stroller, Rock Paper Scissors dan The Cblings masing-masing menerima hadiah sagu hati berjumlah BND1,000 dan juga trofi serta sijil penyertaan.

>> Muka 4



Berita Utama



TAYANGAN perdana filem dokumentari 'The Gula Anau Story' Muka 6



KEMPEN Kebersihan kutip 245.5kg sampah Muka 7



KONTINJEN NBD perkenal identiti negara melalui Persembahan Kebudayaan Muka 8



'ONE Billionth Barrel Monument' mercu tanda pencapaian hasil negara Muka 20

Pengorbanan dan dedikasi sukarelawan terus dikenang dan dihargai

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

ALHAMDULILLAH bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya juga dapatlah kita bersama-sama hadir pada malam ini ke majlis yang penuh berkebahjikan.

Terlebih dahulu peramba / saya selaku mewakili Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial, YSHHB dalam memberikan kesempatan kepada peramba / saya dan Ahli-ahli Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB untuk hadir dan bersuaikan kenal bersama sebahagian Ahli-ahli Sukarelawan YSHHB dan Rakan-rakan Strategik YSHHB pada majlis malam ini.

Peramba / saya mengambil maklum bahawa Sukarelawan YSHHB ini mula ditubuhkan sejak dua dekad yang lalu iaitu pada 9 Januari 2005 dan mempunyai melebihi dari dua ribu ahli yang bedaftar dan sebahagiannya masih kekal aktif menyumbangkan buah fikiran dan tenaga mereka hingga ke hari ini.

YSHHB melalui Bahagian Pengurusan Data dan Sukarelawan, Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial telah menyediakan platform bagi memudahkan ahli-ahli sukarelawan untuk tampil membantu

dan mendukung Projek dan Aktiviti Amal Kebajikan YSHHB agar lebih fokus dan berkesan yang menjurus kepada pemedulian kepada masyarakat khususnya dalam membantu meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan keharmonian masyarakat sesuai dengan hala tuju penubuhan YSHHB.

Peramba / saya difahamkan bahawa disepanjang dua tahun ini iaitu tahun 2024 hingga tahun 2025 beberapa projek dan aktiviti Amal Kebajikan YSHHB telah dilaksanakan dengan bantuan khidmat ahli sukarelawan sekalian dan Rakan-rakan Strategik YSHHB yang mana di antaranya terlibat sebagai Pendidik (Tenaga Pengajar) dan Tenaga Kerja di bawah Program Intervensi YSHHB.

Alhamdulillah dengan penglibatan tersebut, seramai melebihi 800 pelajar di peringkat rendah dan menengah termasuk pelajar-pelajar sekolah agama telah berjaya menghadapi peperiksaan mereka dengan mudah pelajar-pelajar program tersebut bukan sahaja dibimbing dari segi pencapaian akademik akan tetapi juga telah dididik disiplin, motivasi dan jati diri mereka.

Ahli-ahli Sukarelawan YSHHB ini juga sentiasa peka dan tidak camah mata dalam membantu masyarakat yang memerlukan dengan kerja-kerja membersihkan dan menambahbaik rumah melalui Projek Amal Memeduli Warga Emas dan Keluarga yang Memerlukan Bantuan (PAWEK).

Manakala mangsa-mangsa bencana alam juga tidak disisihkan, melalui Projek Bantuan

Kecemasan dan Kemasyarakatan (PBKK) di mana Ahli-ahli Sukarelawan YSHHB dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang sentiasa dibekalkan kepada mereka keluar membantu mangsa bencana yang memerlukan tanpa mengira masa dan waktu bekerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan lain di negara ini.

Majlis penghargaan pada malam ini adalah khusus diadakan bagi meraikan Ahli-ahli Sukarelawan YSHHB yang telah memberikan impak positif membantu masyarakat yang memerlukan di negara ini dengan menerapkan pendekatan Whole of Nation secara sukarela melalui projek dan amal kebajikan YSHHB.

Peramba / saya penuh yakin bahawa platform kesukarelawan yang ada ini, akan dapat memberikan ruang kepada setiap lapisan masyarakat sama ada di peringkat kumpulan atau individu untuk sama-sama menyumbang kepada mewujudkan persekitaran yang kondusif demi kesejahteraan bersama secara inklusif.

Dalam kesempatan ini, peramba / saya sukacita merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada sukarelawan dan rakan-rakan strategik YSHHB di atas sumbangan khidmat mereka dalam perancangan dan pelaksanaan projek dan aktiviti yang dijadikan selama ini, semogalah khidmat bakti *abiskita* itu akan dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi di masa mendatang ini.

Sebelum mengundurkan diri sekali lagi peramba / saya bagi pihak Lembaga



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berucap pada Majlis Penghargaan Sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Tahun 2024 / 2025 pada Sabtu, 20 Disember 2025 yang berlangsung di Dewan Seri Sutera, Qlap Mall, Kampung Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Pengarah YSHHB sukacita mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan strategik YSHHB yang berterusan bekerjasama dalam melaksanakan projek-projek yang berkebahjikan.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG										
JANUARI MASIHI	HARI	REJAB HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	ISNIN	22	5.00	5.10	6.33	6.57	12.29	3.51	6.24	7.38
13	SELASA	23	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
14	RABU	24	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
15	KHAMIS	25	5.01	5.11	6.33	6.57	12.31	3.52	6.25	7.39
16	JUMAAT	26	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
17	SABTU	27	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
18	AHAD	28	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN			
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C		31 24 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C		30 24 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C		30 24 °C	
Kuala Belait			
32 25 °C		31 24 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 12 JANUARI 2026

Tingkatkan pencapaian, tetapkan hala tuju untuk kemajuan negara

TAHUN 2026, kini sudah memasuki minggu kedua. Perjalanan panjang untuk memulakan segala yang kita cita-citakan yang sering dilaung-laungkan sebagai azam baharu. Kita juga akan berhadapan dengan realiti kehidupan seperti harga barang yang naik, kos sara hidup, peluang kerja anak muda dan pelbagai cabaran yang akan terus mengiringi kita pada tahun baharu ini.

Kita juga mempunyai tanggungjawab sebagai rakyat dengan mematuhi undang-undang dan peraturan negara. Menjalankan amanah dengan penuh dedikasi, sama ada sebagai pelajar, pekerja, pemimpin atau ibu bapa.

Dalam dunia yang dilanda ketidakpastian global, kita perlu bersedia sedia untuk terus bertahan dan mengambil peluang yang ada untuk memajukan negara dan diri sendiri. Tanpa integriti, kesedaran diri dan keberanian untuk berubah, semuanya hanya tinggal sebagai retorik.

Asas pembaharuan negara bermula dengan pembaharuan diri. Kejayaan sebenar bukan sekadar jawatan atau pencapaian kerjaya, tetapi keupayaan untuk kekal mempunyai prinsip yang teguh dalam mengharungi pembaharuan.

Pembaharuan menuntut keberanian moral iaitu berani untuk membuat keputusan, menolak norma lama dan meletakkan kepentingan rakyat mengatasi kepentingan. Di sinilah peranan pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat menjadi keutamaan.

Pendidikan tidak boleh difahami semata-mata sebagai segulung ijazah tetapi sebagai proses berterusan membina kehalusan berfikir, empati sosial dan keupayaan memahami realiti manusia yang kompleks.

Dengan meningkatkan ilmu dan kemahiran kita akan dapat terus belajar dan menambah kemahiran selari dengan keperluan semasa seperti digital, teknologi, keusahawanan. Selain itu kita perlu menguasai ilmu bukan hanya untuk diri sendiri tetapi untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Oleh itu, generasi muda perlu dibekalkan nilai kritis, etika, daya fikir dan ketahanan moral agar mampu menyesuaikan diri dengan perubahan pantas tanpa kehilangan hala tuju.

Justeru kita sebagai rakyat di negara ini mempunyai peranan menjaga negara sebagai amanah bersama negara negara inilah yang akan menjadi warisan anak cucu kita nanti. Ini menuntut generasi muda yang lebih bersedia, lebih proaktif untuk mengembangkannya serta merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Jika pembaharuan diri menjadi budaya nasional, maka pembaharuan negara bukan lagi satu impian. Ia pasti akan menjadi kenyataan yang diwujudkan daripada rakyat biasa yang mempunyai wawasan dan harapan untuk membangun negara.

Tahun baharu adalah peluang untuk memperbaharui tekad agar kita menjadi rakyat yang lebih bertanggungjawab, berilmu dan bersatu demi kemajuan negara.

Semoga Tahun Baharu 2026 ini akan menyaksikan lebih banyak pencapaian yang dicipta oleh anak bangsa dan seterusnya menjadi kebanggaan negara kita.

- Ketua Penyuntingan (Ri)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT MENYAKSIKAN PERLAWANAN LIGA SUPER MALAYSIA 2025 / 2026



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat menyaksikan perlawanan tersebut. Juga berangkat, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berserta kerabat diraja.

BERAKAS, Sabtu, 10 Januari. - Pasukan tuan rumah, DPMM FC terpaksa akur apabila tumpas 2 - 5 kepada Selangor FC dalam aksi sengit pada Liga

Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung malam tadi, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Juga berangkat, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berserta kerabat diraja.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan kerabat diraja dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada separuh masa pertama, menyaksikan Selangor FC

mempamerkan aksi bertenaga sejak awal perlawanan dengan mendominasi permainan dan berjaya membuka jaringan seawal minit ke-5 melalui Chrigr Flores Moraes.

Selang lima minit kemudian, gawang DPMM FC sekali lagi digegarkan apabila Chrigr Flores Moraes menambah gol bagi Selangor FC menjadikan kedudukan 0 - 2 pada minit ke-10.

DPMM FC terus membuat percubaan dan akhirnya berjaya menjaringkan gol pertama hasil sepakan Awang Muhammad Hakeme Yazid Said pada minit ke-42, beberapa minit sebelum separuh masa pertama berakhir.

Bersambung pada babak kedua perlawanan, Selangor FC terus beraksi cemerlang apabila Laine Nooa Hamzah dan Chrigr Flores Moraes menghadihkan gol ketiga dan keempat masing-masing pada minit ke-48 dan ke-58.

DPMM FC tidak berputus asa

dan terus melancarkan serangan demi serangan dan akhirnya berjaya menyumbat gol kedua melalui Miguel Angelo Agostinho Oliveira pada minit ke-62.

Walaupun pasukan tuan rumah cuba bangkit dan mengatur beberapa serangan, namun, keampuhan jentera serangan Selangor FC terbukti sukar dibendung apabila mereka menambah jaringan kelima melalui Chrigr Flores Moraes pada masa tambahan iaitu minit ke-91.

Kedudukan 2 - 5 kekal hingga wisel penamat dibunyikan. Keputusan tersebut menyaksikan Selangor FC membawa pulang 3 mata berharga, sekali gus mengukuhkan kedudukan mereka dalam carta liga, manakala pasukan tuan rumah kekal di tangga ke-7.

Saingan DPMM FC di Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 seterusnya ialah menentang Terengganu FC pada 13 Januari 2026 bertempat di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Gong Badak, Terengganu.



ANTARA yang hadir memberi sokongan (kiri), manakala gambar kanan, sebahagian aksi perlawanan di antara DPMM FC menentang Selangor FC dalam Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

DPMM FC U18 berpesta gol

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

>> Muka 1

DPMM FC membuka jaringan pada minit ke-14 menerusi Awang Mohamad Azri Danial Haji Mohamad Yusra. Selang enam minit kemudian, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim mengandakan jaringan buat DPMM FC.

Pada minit ke-29, DPMM FC menambah jaringan ketiga menerusi Awangku Faris Fadillah Pengiran Saiful Bahari dan beberapa minit kemudian, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim sekali lagi mencetak gol buat DPMM FC.

Lima minit sebelum separuh masa pertama tamat, DPMM FC menggegar gawang Dagang FT menerusi Awang

Muhammad Aiman Qushairi Azmir Zaxquarim.

Babak kedua menyaksikan DPMM FC terus mengandakan asakan apabila gol keenam hadir pada minit ke-59 menerusi Awangku Amirul Umar Pengiran Saiful Rizal, diikuti gol ketujuh menerusi Awang Muhammad Hafiy Hakim Azizan pada minit ke-72.

Selang dua minit kemudian, Awang Muhammad Akmal

Rizal Muhammad Abu Bakar menjaringkan gol kelapan buat DPMM FC.

Pada minit ke-76, YTM Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim melengkapkan hatrik selepas menjaringkan gol kesembilan.

Sementara itu, pada minit ke-91, Awang Muhammad Hafiy Hakim Azizan menjaringkan gol peribadi kedua beliau sekali gus melengkapkan kemenangan 10-0 buat DPMM FC.



TURUT menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, selaku Ketua Pasukan (atas kanan), manakala gambar bawah kanan, sebahagian daripada penonton dan penyokong yang hadir.

115 PELAJAR TERIMA BANTUAN PERSEKOLAHAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian bantuan persekolahan berkenaan dan seterusnya bergambar ramai (atas dan atas kanan).

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian bantuan persekolahan berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad, dengan diiringi oleh Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Hasbi, selaku Pengerusi Kedua Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet,

Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pekerja Pembangunan Masyarakat, Awang Abdul Ghani bin Murni dan diikuti dengan penyampaian bantuan persekolahan oleh tetamu kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.



Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin; Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, dan pegawai-pegawai kanan kerajaan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

dan Sukan serta Kementerian Pendidikan. Inisiatif ini telah dilaksanakan sejak tahun 2025 antara lain bertujuan untuk meringankan perbelanjaan persiapan persekolahan bagi anak-anak berkenaan serta seterusnya memberi semangat, galakan dan motivasi kepada mereka untuk terus memajukan diri dalam

pembelajaran, sekali gus berupaya mengubah kehidupan keluarga. Sehubungan itu, pihak JAPEM mengalu-alukan penglibatan pihak-pihak berkepentingan yang lain untuk mengendalikan inisiatif-inisiatif seumpama ini bagi meningkatkan dan menyemai sikap prihatin serta rasa pemedulian dalam kalangan komuniti di Negara Brunei Darussalam.

Lemonade Riot juara Pertandingan Kugiran Tanah Air



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang (atas dan kanan) manakala gambar bawah kanan, antara yang ikut serta dalam pertandingan tersebut.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji Raffizanna bin

Pengiran Haji Razali. Juga hadir, Pemangku Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB), Awang Cheong Chee Keong; pegawai-pegawai kanan kerajaan serta orang ramai. Turut membuat persembahan di rancangan ini ialah artis-artis tempatan iaitu Faizul Razali, Aznil Yunus, Maria



Aries. Pertandingan ini yang dianjurkan oleh RTB melalui Unit Realiti, Seksyen Perisian kreatif, Bahagian Rancangan TV merupakan salah satu usaha untuk membangunkan bakat-bakat belia khususnya dalam bidang seni muzik tanah air.

Rancangan ini adalah sebuah rancangan pertandingan kugiran bagi menegakkan bakat-bakat remaja belia tanah air dan juga pemain-pemain muzik baharu yang mempunyai bakat dalam seni hiburan tanah air.

Kumpulan-kumpulan yang turut serta telah menyanyikan lagu mengikut genre lagu masing-masing semasa mengikuti pertandingan ini.

Pertandingan Kugiran Tanah Air Peringkat Akhir tersebut juga disiarkan secara langsung melalui RTB Aneka dan penstriman langsung melalui RTBGo.



HALUAN

>> Muka 2

Kepada Sukarelawan-sukarelawan YSHHB yang tidak kendur-kendur memberikan khidmat tenaga, masa dan buah fikiran hanya semata-mata untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang insan yang mulia, berbakti kepada masyarakat dan negara. Terus kan usaha murni biskita. Sama-samalah kita berdoa semoga sumbangan bakti kita selama ini akan mendapat keredaan daripada Allah jua, Amin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), sementara gambar bawah, sebahagian daripada para hadirin pada majlis tersebut.



MENYEBARLUASKAN SERTA MEMPERKUKUH ILMU MANASIK HAJI

>> Muka 1

Majlis penutup muzakarah berkenaan diadakan pada sebelah petang dan dihadiri oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, selaku tetamu kehormat majlis dan juga turut menyampaikan siji kepada para peserta muzakarah.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misse bin Haji Abd. Karim; serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan di bawah KHEU serta pengarah-pengarah dan pengurus-pengurus syarikat pengendali serta perkhidmatan haji dan umrah.

Pada majlis berkenaan, satu pembentangan Kertas Kerja Perdana bertajuk 'Kepentingan Tazkiyah Al-Nafs Melalui Penghindaran Rafats, Fusuq dan Jidal' dibentangkan oleh Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dan Bahasa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Dayang Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman.

Seramai 139 peserta telah menghadiri Majlis Muzakarah Haji Kali Ke-33 yang diadakan pada sebelah pagi.

Para peserta terdiri daripada guru-guru pengkursus ibadah haji dan umrah, tenaga pengajar dari JPI, tenaga pembimbing saudara-saudara baharu (mualaf) dan da'ie-da'ie Pusat Da'wah Islamiah (PDI), para pegawai dan imam-imam Jabatan Hal Ehwal Masjid, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA, mahasiswa dan mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), penuntut-penuntut Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah, peserta Program Sijil Profesional Pembimbing Haji dan Umrah (SP-PHU) serta pembimbing-pembimbing agama syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji dan umrah.

Pada sesi berkenaan,



ANTARA yang berucap pada muzakarah berkenaan.

pembentangan kertas-kertas kerja dibentangkan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang mengupas mengenai isu-isu hukum-hakam berkaitan manasik haji secara terperinci.

Awang Mohammad Aiman Akmalfadlullah calon Ketua Kampung Senukoh



SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Bagi Mengisikan Jawatan Ketua Kampung Senukoh, Mukim Labu, Daerah Temburong diadakan di Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba, Kampung Senukoh (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

TEMBURONG, Ahad, 11 Januari. - Daerah Temburong telah diadakan Majlis Pengundian dan Pemilihan Bagi Mengisikan Jawatan Ketua Kampung Senukoh, Mukim Labu,



Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong



Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir; Pemangku Penolong Pegawai Daerah; Pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Penghulu Mukim Zon 1 dan ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung di bawah tadahan Mukim Zon 1.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Awang Mokhtar bin Bakri dari Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Temburong.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan pengiraan dan

pengumuman undi.

Terdahulu, pengundian secara kaedah kertas undi bermula jam 8.00 sehingga 11.00 pagi dan pengundian menggunakan



aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada hari Jumaat, 9 Januari 2026.

Calon tunggal yang layak bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Kampung Senukoh ialah Awang Mohammad Aiman Akmalfadlullah bin Haji Matusin berumur 38 tahun. Beliau merupakan pemegang Sijil Latihan Perguruan Agama dari Maktab Perguruan Agama Seri Begawan Brunei. Pada masa ini beliau bertugas sebagai Guru Ugama Tingkat II di Sekolah Ugama Senukoh.

Daripada 194 orang yang berdaftar dan layak mengundi, seramai 157 orang yang telah mengundi calon untuk kekosongan jawatan Ketua Kampung Senukoh. Daripada jumlah tersebut, seramai 117 bersetuju, seramai 37 tidak bersetuju dan tiga undi rosak.

Sehubungan itu, keputusan pengundian dan pemilihan calon Ketua Kampung akan dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, KHEDN bagi proses selanjutnya.

MAJLIS MAKAN MALAM PENGHARGAAN PAQS 2024



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Penghargaan bagi Kongres Persatuan Juruukur Bahan Pasifik (PAQS) 2024.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

KIULAP, Sabtu, 10 Januari. - Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei menerusi Institute of Surveyors malam tadi

telah mengadakan Majlis Makan Malam Penghargaan bagi Kongres Persatuan Juruukur Bahan Pasifik (PAQS) 2024 yang

berlangsung di J Hotel, Kiulap, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Juga hadir, penaja-penaja, ahli-ahli gabungan PUJA, Jawatankuasa Penganjur dan Jawatankuasa Kecil PAQS 2024, serta Ahli-ahli Institute of Surveyors PUJA Brunei.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat.

Acara turut diisikan dengan pembentangan khas 'ASEAN Quantity Surveyor Association' (AQSA) oleh Pengerusi PUJA Brunei, Sr. Haji Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, dan diserikan dengan persembahan nyanyian daripada Sr. John Wong dan Sr. Diana Latip.

Sijil penghargaan juga diberikan kepada semua penaja, ahli jawatankuasa penganjur dan jawatankuasa kecil sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan mereka ke arah kejayaan Kongres PAQS yang dihoskan di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 2024 yang lalu.

Institute of Surveyors yang beroperasi di bawah payung PUJA Brunei, adalah badan profesional utama yang mewakili juruukur tanah, juruukur kuantiti, dan pengurus harta benda di NBD.

Ia komited untuk memajukan profesion, menegakkan standard amalan tertinggi, dan menyokong ahlinya melalui pembangunan dan advokasi yang berterusan.



PEMBENTANGAN khas 'ASEAN Quantity Surveyor Association' (AQSA) oleh Pengerusi PUJA Brunei, Sr. Haji Mohammad Hanafi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.

Tayangan perdana filem dokumentari 'The Gula Anau Story'

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Januari. - Tayangan perdana filem dokumentari pertama Brunei yang dibiayai oleh National Geographic Society, 'The Gula Anau Story' (2026)', berlangsung baru-baru ini di One Cineplex, sekali gus menandakan pelancaran rasmi siri dokumentari Ekosistem Rasa: Landskap Kuliner Borneo-Brunei (Ekosistem Rasa: Borneo-Brunei's Culinary Landscape).

Filem berdurasi 61 minit itu diarahkan oleh Joshua Belayan, satu-satunya National Geographic Explorer dari Negara Brunei Darussalam bersama pembikin filem dan pemenang anugerah, Awang Syafi Halim. Ia diterbitkan oleh New Wave Films dengan Kitani Kreatif sebagai Rakan Impak dan Pemasaran.

Hampir 170 tetamu jemputan

hadir menyaksikan tayangan berkenaan, terdiri daripada pegawai kerajaan, perwakilan diplomatic (*diplomatic corps*), rakan kerjasama, pasukan produksi filem, pemegang taruh komuniti serta wakil organisasi belia.

Berlatarbelakangkan lokasi di Negara Brunei Darussalam dan Limbang, Sarawak, 'The Gula Anau Story' mengisahkan proses pembuatan gula anau, iaitu sejenis gula tradisional yang dihasilkan daripada nira pokok nipah yang dituai di kawasan hutan paya bakau. Dokumentari ini meneliti hubungan rapat antara amalan makanan tradisional dengan sungai, ekosistem, sumber mata pencarian serta sistem pengetahuan yang diwarisi turun-temurun.

Tayangan tersebut turut disusuli

dengan sesi soal jawab bersama panel penerbit yang terdiri daripada pengarah bersama Joshua Belayan dan Awang Syafi Halim; Ketua Penyelidikan, Awang Nasri Tahir serta Penolong Pengarah Pertama, Dayang Nuur Aqilah Ali.

Sesi berkenaan membincangkan isu-isu berkaitan kerentanan ekologi, kesinambungan budaya serta cabaran yang dihadapi oleh sistem makanan tradisional dalam arus perubahan global.

Dalam ucapannya, Joshua Belayan menyatakan bahawa seni penghasilan gula anau kini berada di ambang kepupusan di Brunei, justeru usaha pendokumentasian ini penting bagi merakam dan menonjolkan kisah individu yang masih mempertahankan tradisi tersebut.

Menurut beliau, warisan makanan perlu dilihat bukan sekadar sebagai tinggalan masa

lalu, tetapi sebagai satu sistem hidup yang terbentuk daripada hubungan antara manusia, alam sekitar dan dasar.

Sebagai episod pembukaan Siri Ekosistem Rasa, dokumentari ini mengetengahkan perspektif rentas sempadan Borneo dengan menyoroti persamaan budaya dan ekologi yang dikongsi bersama merentasi sempadan negara. Ia turut meletakkan makanan sebagai warisan budaya serta isu semasa yang berada di persimpangan

kelestarian, ekonomi dan identiti.

Tayangan umum 'The Gula Anau Story' dijadualkan berlangsung pada Sabtu, 10 Januari 2026 di Pro-Chancellor Arts Centre, diikuti dengan siri bengkel bermula 11 Januari 2026 serta jamuan *pop-up* empat hidangan dari 30 Januari hingga 1 Februari 2026.

Filem ini juga akan ditayangkan kepada penonton tempatan dan antarabangsa menerusi platform YouTube dalam beberapa minggu akan datang.



TAYANGAN tersebut turut disusuli dengan sesi soal jawab bersama panel penerbit (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir menyaksikan tayangan berkenaan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Krisis Kanak-kanak Obesiti Perlu Ditangani'. Tarikh Tutup : 14 Januari 2026
2. 'Peranan 1K1P dalam Memperkasakan Komuniti Kampung'. Tarikh Tutup : 21 Januari 2026
3. 'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'. Tarikh Tutup : 28 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENYEMARAKKAN PENGHAYATAN AL-QURAN DALAM KALANGAN JEMAAH

Berita dan Foto : Ihsan Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu



TANAH JAMBU, Ahad, 11 Januari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran buat kali pertama bagi tahun 2026 sebagai menzahirkan kesyukuran selepas menamatkan bacaan 30 juz Al-Quran.

Majlis berkenaan merupakan salah satu program imarah masjid yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Tanah Jambu bertujuan menyemarakkan lagi penghayatan Al-Quran dalam kalangan para jemaah dan masyarakat kampung.



Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah-surah lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Mohd. Zakaria bin Haji Mohd. Salleh dan seterusnya

menyempurnakan Doa Khatam Al-Quran.

Seterusnya, Doa Selamat serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Abdullah bin Haji Mahri.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban yang dialunkan oleh para peserta khatam bagi menambahkan lagi seri suasana

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohammad bin Haji Daud hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan (kiri sekali dan kiri).

kesyukuran itu.

Pada akhir majlis, Yang Dimuliakan Pehin menyampaikan cenderahati kepada Mantan Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu / Kampung Salar, Awang Haji Sarabani Haji Bakir serta Pegawai Perantis Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Awang Md. Affin bin Abd. Latiff, sebagai tanda penghargaan atas jasa dan sumbangan mereka.

Majlis Khatam Al-Quran ini diharapkan dapat menjadi pemangkin dalam usaha ahli jawatankuasa masjid untuk memperkukuhkan peranan masjid sebagai pusat ibadah, ilmu dan perpaduan masyarakat.

Kempen Kebersihan kutip 245.5kg sampah



KEMPEN Kebersihan yang bermula dari pukul 7.00 pagi hingga 9.00 pagi itu melibatkan 36 ahli sukarelawan daripada pelbagai agensi dan orang awam (atas dan bawah).

SERASA, Ahad, 11 Januari. - Green Brunei sebuah persatuan yang komited dalam mempromosikan kelestarian alam

sekitar, menganjurkan acara Kempen Kebersihan bersempena dengan Hari Bertindak (Day of Action) yang berlangsung di Pantai

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

Serasa, hari ini.

Kempen Kebersihan yang bermula dari pukul 7.00 pagi hingga 9.00 pagi itu melibatkan 36 ahli sukarelawan daripada pelbagai agensi dan orang awam.

Semangat gotong royong yang dipamerkan oleh para sukarelawan terlibat semasa kempen diadakan telah berjaya mengutip 245.5 kilogram dan 46 beg sisa buangan.

Dalam pada itu, kejayaan mengadakan inisiatif kempen berkenaan telah menyumbang kepada kebersihan pantai yang lebih terjaga dan persekitaran yang lebih sihat, di samping memberi manfaat kepada komuniti setempat.

Kempen Kebersihan tersebut juga disokong oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).



TDDDB giat melaksanakan bantuan kemanusiaan, bencana alam

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

TUTONG, Ahad, 11 Januari. - Susulan hujan lebat berterusan serta keadaan cuaca yang tidak menentu yang menjejaskan beberapa kawasan di seluruh Negara Brunei Darussalam (NBD), Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) terus melaksanakan Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Alam dengan kerjasama rapat bersama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Di Daerah Tutong, Batalion Kedua TDDDB, baru-baru ini telah menghulurkan bantuan susulan kejadian banjir kilat yang menjejaskan beberapa kawasan perumahan, di samping mengganggu rangkaian jalan utama serta laluan ke kawasan pedalaman.

Bantuan pengangkutan menggunakan kenderaan empat tan telah disediakan bagi memindahkan penduduk di Jalan Kecil Takuyad, Kampung Bukit Udal. Selain itu, pengagihan catuan makanan turut dilaksanakan kepada penduduk Kampung Panchong ke Kampung Benutan di kawasan Jalan Sum-Sum bagi memenuhi keperluan asas penduduk yang terjejas.

Sementara itu, di Daerah Belait, Batalion Ketiga TDDDB dengan kerjasama rapat bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat NBD telah melaksanakan usaha bantuan di Hospital Suri Seri Begawan dengan menyediakan guni pasir dan kanvas bagi menghalang air banjir daripada memasuki kawasan bangunan hospital.

Dalam menghadapi keadaan cuaca yang aktif dan tidak menentu, TDDDB akan terus komited dan sentiasa bersedia siaga dalam memberikan bantuan bencana kepada orang awam di keempat-empat daerah.

TDDDB juga akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi yang relevan dalam mendukung pendekatan Whole of Nation bagi memastikan tindak balas bencana dapat dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan.



TENTERA Darat Diraja Brunei terus melaksanakan Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Alam dengan kerjasama rapat bersama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

KONTINJEN NBD PERKENAL IDENTITI NEGARA MELALUI PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN



PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan pratonton tersebut (kanan), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada program berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Januari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun ini sekali lagi dipelawa bagi mengikuti Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) Kali Ke-49, yang merupakan Program Pertukaran Belia Antarabangsa dilaksanakan khusus untuk belia rantau ASEAN dan Jepun.

NBD akan menghantar satu kontinjen iaitu seramai 16 belia dan seorang Ketua Kontinjen (National Leader) dengan keramaian keseluruhan 181 belia daripada 11 buah negara yang menyertainya.

Program SSEAYP 2025 akan berlangsung selama 34 hari, bermula 15 Januari hingga 17 Februari 2026. Program ini akan

bermula di Tokyo, Jepun dan seterusnya akan singgah di beberapa Negara ASEAN iaitu Republik Singapura dan berakhir di Thailand.

Sepanjang program, para peserta akan mengikuti pelbagai aktiviti yang disusun oleh negara-negara disinggahi, antaranya Majlis Selamat Datang, Aktiviti Tinggal Bersama Keluarga Angkat serta Lawatan Sambil Belajar.

Salah satu pengisian Program SSEAYP ini menghendaki setiap kontinjen untuk membuat Persembahan Kebudayaan sebagai salah satu saluran untuk memperkenalkan identiti dan kebudayaan negara masing-masing. Sehubungan itu, satu

pratonton Persembahan Kebudayaan Kebangsaan (National Presentation) diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang akan dipersembahkan oleh kontinjen negara semasa Majlis-majlis Resepsi di negara-negara tempat persinggahan dan juga sebagai aktiviti pengenalan negara di atas Kapal Nippon Maru yang akan digunakan sepanjang pelayaran di lautan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan pratonton tersebut ialah Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Selamat diketuai oleh Ketua Bahagian Agama Kontinjen NBD ke SSEAYP Ke-49, Awang Md. Hazwan Nizam bin Ibrahim, dan diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Penolong Penyelia Pusat Belia, Awang Ibrahim bin Haji Sabli selaku Ketua Kontinjen NBD.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan dan cenderamata kepada penaja-penaja yang memberikan sokongan dan tajaan kepada Kontinjen NBD ke SSEAYP 2025.

Persembahan Kontinjen NBD bagi SSEAYP bertemakan 'Menelusuri Mutiara Darussalam', menentang kekayaan

budaya, identiti kebangsaan, cara hidup serta nostalgia masyarakat Brunei, disulami elemen legenda rakyat dan kreativiti seni.

Persembahan ini merangkumi tarian, sketsa, seni mempertahankan diri, sajak, lagu serta tayangan video, dengan tujuan menyemai dan membangkitkan semangat jati diri serta kebanggaan sebagai anak Brunei di peringkat antarabangsa.

Majlis turut menyaksikan tayangan video pengenalan kontinjen serta Persembahan Cheers dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat.

Meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan, tanggungjawab TLDB

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



BELAIT, Sabtu, 10 Januari. - Dalam usaha memperkukuh hubungan bersama masyarakat di Daerah Belait, pada hari ini Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) telah menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan bersempena Jelajah TLDB, yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada Sambutan Jubli Intan TLDB.

Program Jelajah TLDB yang berlangsung dari 10 hingga 11 Januari 2026 di Dewan Bandaran Kuala Belait dan Pihak Berkuasa

Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Kuala Belait berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman orang ramai terhadap peranan dan tanggungjawab TLDB, di samping membawa penglibatan tentera laut lebih dekat kepada masyarakat setempat.

Sepanjang jelajah berlangsung, orang ramai berpeluang mengunjungi pelbagai pameran yang memaparkan keupayaan operasi TLDB, peranan

TENTERA Laut Diraja Brunei (TLDB) menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan bersempena Jelajah TLDB, yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada Sambutan Jubli Intan TLDB (kiri, kanan dan bawah kanan).

keselamatan maritim serta peluang kerjaya dalam perkhidmatan tentera laut.

Program berkenaan turut dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti mesra masyarakat termasuk persembahan kumpulan muzik dan sesi interaksi terbuka yang sesuai untuk semua lapisan umur.

Dianjurkan bersempena Sambutan Jubli Intan TLDB, Jelajah TLDB berkenaan menzahirkan pendekatan seimbang TLDB dalam melaksanakan khidmat kepada negara, dan kesiapsiagaan operasi digandingkan dengan penglibatan berterusan bersama masyarakat.

TLDB kekal komited untuk terus menyemai minat orang ramai terhadap pertahanan maritim sambil meneruskan legasi perkhidmatan bakti kepada negara.



66 ORANG TERIMA SURAT LANTIKAN AJK BELIA DA'IE



PEMANGKU Pengarah, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 11 Januari. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie pagi tadi mengadakan Majlis Pembubaran Ahli Jawatankuasa (AJK) Sesi 2023-2025 dan diselenggarakan dengan Majlis Pelantikan AJK baharu bagi Sesi 2025-2027 bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis ini diadakan setiap dua tahun sebagai aktiviti tahunan Badan Sukarelawan Belia Da'ie bersempena tamatnya tempoh khidmat pengambilan bagi Sesi 2023-2025.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah

Pemangku Pengarah, PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti dengan bacaan Surah An-Nisaa, ayat 58-59.

Seterusnya, ucapan alu-aluan dan perkongsian perjalanan Belia Da'ie bagi sesi 2023-2025 yang disampaikan oleh Pengerusi Belia Da'ie, Awang Mohammad Najihuddin bin Nooralizam.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada AJK Belia Da'ie Sesi 2023-2025 kerana dengan jayanya menjalankan beberapa program juga aktiviti dan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



majlis-majlis, di bawah kendalian Badan Sukarelawan Belia Da'ie di sepanjang memegang jawatan yang lalu.

Menurutnya, pelbagai halangan, cabaran, dugaan, rintangan, kemunduran, kegagalan dan kejayaan yang dihadapi dengan hati yang kuat juga minda yang terbuka, dalam menjalankan tugas dan amanah yang diberikan.

Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Urus Setia Program Keugamaan Belia, PDI selaku Penasihat Belia Da'ie kerana memberikan kepercayaan amanah dalam menjalankan pelbagai aktiviti mahupun majlis.

Selapas itu diikuti dengan pengumuman AJK Tertinggi Belia Da'ie bagi Sesi 2025-2027

disampaikan oleh Ketua Urus Setia Program Keugamaan Belia, Awang Isham bin Awang Ismail.

Mereka terdiri daripada Pengerusi, Awang Muhammad Irsyad bin Nor Isa; Timbalan Pengerusi Bersama, Dayang Hajah Rasyidah binti Haji Osman dan Dayang Nor Najiah binti Abdullah; Setiausaha Bersama, Awangku Ahmadi bin Pengiran Haji Idrus dan Dayang Nur Afiah binti Haji Awang Tengah; Bendahari, Dayang Nur Raihan binti Ramli; Ketua Sumber

PENGUMUMAN AJK Tertinggi Belia Da'ie bagi Sesi 2025-2027 disampaikan oleh Ketua Urus Setia Program Keugamaan Belia, Awang Isham bin Awang Ismail.

Kemanusiaan, Awang Aziz Hanafi bin Awang Haji Hasnan dan Dayang Nabilah Lutfi Inshira binti Abdul Samad; sementara Dayang Hadziqah binti Haji Ayop dan Dayang Nurul Haziqah Ikramina binti Awang Haji Matyassin sebagai Exco Media.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penyerahan sijil penghargaan dan surat lantikan oleh tetamu kehormat kepada lantikan AJK baharu seramai 66 orang serta diiringi dengan Ikrar Belia Da'ie yang diketuai oleh Pengerusi Belia Da'ie 2025-2027, Awang Muhammad Irsyad bin Nor Isa.

Pada majlis berkenaan diteruskan lagi dengan tayangan video Ristaan Belia Da'ie Sepanjang Sesi 2023-2025 dan diakhiri dengan bacaan Sayyidul Istighfar serta Doa Penutup Majlis.



Pertandingan himpunkan pencinta kucing, veterinar, pertubuhan kebajikan haiwan



ANTARA yang menyertai Pertandingan SmartHeart Pawsome Cat 2026 (kiri dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Ahad, 11 Januari. - Pertandingan SmartHeart Pawsome Cat 2026 berjaya menghimpunkan pencinta kucing, profesional veterinar, pertubuhan kebajikan haiwan dan orang ramai pada acara yang berlangsung di Peak Club, hari ini.

Acara tersebut dianjurkan bagi mempamerkan keunikan dan keistimewaan kucing serta memupuk penjagaan haiwan yang bertanggungjawab.

Pertandingan itu merupakan kemuncak kepada pusingan saringan awal yang diadakan pada 8 dan 9 Disember lalu dan daripada peringkat saringan tersebut, sebanyak 20 ekor kucing disenarai

pendek mara ke peringkat akhir.

Penilaian dilakukan secara profesional berdasarkan tahap kesihatan keseluruhan, standard dandanan, persembahan dan perwatakan kucing.

Program dimulakan dengan acara perasmian serta penghargaan kepada penganjur, rakan penganjur, penyokong acara dan tetamu jemputan, termasuk wakil daripada Perfect Companion Group, Parvati Textiles Centre, Care & Actions for Strays, Sejahtera Community, Paws Up serta Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Proses pengadilan dijalankan oleh para panel profesional veterinar berpengalaman daripada



klinik veterinar kerajaan dan swasta, sekali gus memastikan penilaian yang teliti dan profesional.

Hadiah Utama dimenangi oleh Wina, milik Dayang Titi Mardianawati Quariah binti Md. Serudin, yang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND2,000 serta trofi dan sijil.

Tempat kedua dimenangi oleh Ben Doo, milik Amlu Haji Mumin, yang menerima hadiah wang tunai BND1,000 serta trofi dan sijil diikuti tempat ketiga dimenangi oleh Cyon, milik Awang Mohammad Shazrul Fuad bin Shamsuddin, yang menerima hadiah wang tunai BND800, trofi dan sijil.

Selain hadiah utama, beberapa anugerah sampingan turut disampaikan bagi menghargai kreativiti, penglibatan orang ramai

dan persembahan keseluruhan.

Anugerah Pilihan Orang Ramai, yang ditentukan melalui undian awam, dimenangi oleh Miso dan menerima hadiah wang tunai BND50 serta trofi manakala Anugerah IG Star dianugerahkan kepada Mark Skifia, yang menerima hadiah wang tunai BND50, trofi, gambar berbingkai dan sijil.

Sementara itu, Anugerah Pakaian Terbaik bagi kucing dimenangi oleh Aan, manakala Anugerah Sangkar Terbaik dimenangi oleh Mocha; kedua-duanya menerima hadiah wang tunai BND50 dan sijil diikuti Hadiah Khas Kostum Terbaik Pemilik Kucing dianugerahkan kepada pemilik Zuzu, Awang Abdul Anas bin Haji Mohd. Ishak, yang menerima hadiah wang tunai BND50.

Selain pertandingan, para pengunjung turut berpeluang menyertai pelbagai aktiviti sampingan sepanjang acara, termasuk sesi bergambar di photobooth, permainan interaktif, sesi perkongsian pendidikan oleh pertubuhan kebajikan haiwan.

Salah satu acara utama ialah sesi ceramah pendidikan yang disampaikan oleh wakil daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, yang menekankan kepentingan vaksinasi kucing secara berkala sebagai sebahagian daripada tanggungjawab pemilik haiwan dan pengurusan kesihatan haiwan.

Selaras dengan komitmennya terhadap penglibatan komuniti dan advokasi kebajikan haiwan, acara ini turut menyampaikan geran kepada Care & Actions for Strays, Sejahtera Community dan Paws Up sebagai sokongan terhadap inisiatif berterusan mereka dalam mempromosikan kebajikan haiwan serta pemilihan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab dalam komuniti.

Pertandingan SmartHeart Pawsome Cat ini terus berperanan sebagai platform bermakna yang mengukuhkan kerjasama antara sektor swasta, profesional veterinar, pertubuhan kebajikan haiwan dan orang awam, di samping memupuk kesedaran dan penghargaan yang lebih tinggi terhadap penjagaan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab di Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan ini dianjurkan dengan kerjasama rakan strategik serta disokong oleh pelbagai pertubuhan kebajikan haiwan.



ANAK-anak pegawai dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menerima Anugerah Kecemerlangan dan Penghargaan Anak-anak Cemerlang ABDB bagi Tahun 2025 berlangsung di Auditorium Akademi Pertahanan ABDB. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

SEBILANGAN pelajar baharu Sanah 5 yang telah memulakan persekolahan di sekolah-sekolah Arab seluruh negara. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



SEBAHAGIAN yang menghadiri Siri Kempen Kesedaran bagi Warga Kerja JKR yang berlangsung di Dewan Atria Simpur, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

BRUNEI Darussalam Food Authority (BDFA) semasa menganjurkan Kempen Derma Darah sempena Ulang Tahun Ke-5 BDFA. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



PENUNTUT Tahun 7, 8 dan 9 Sekolah Menengah Berakas semasa menghadiri Taklimat Jerayawara Kenali ASEAN, bertempat di Dewan Anggerek sekolah berkenaan. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

سرور كرمي

هر كاي ماس دغن بايك دان بيجقسان

جماعه يغ درجتي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتن كيلمانن كفلدن. سوسوگوهن اورغ يغ فاليج مليا ديسي الله ﷺ ايت ايله اورغ يغ فاليج بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

الله ﷺ بر فرمان دالم سورة العصر آية ۱-۳:

دمي ماس. سوسوگوهن مانسي ايت بنر-بنر دالم كروكين. كجوالي اورغ-اورغ يغ برلمان دان مغرجاكن عملن-عملن صالح، دان ساليغ برقسن اونتوق مغيكوت يغ حق سرتا ساليغ برقسن اونتوق برصير.

جماعه يغ درجتي الله،

ماس اداله انتارا نعمت كورنيان درفد الله ﷺ اي اداله انوكره يغ تيدق ترنيلاي، نامون سريغ كالي كيت ألفا دالم مغيركايين. اكلام اسلام ميريكن فرهاين يغ بكيو بسر ترهادف ماس. بايق عبادت اوتام كيت بركايت رافت دغن ماس. سباكاي جونوه، سمبيغ فرض ليم وقتو يغ تله دتفكن فد ماس يغ ترنتو، فواسا دان زكاة فطرة سباكاي كواجيغن هاڻ دبولن رمضان، فمبايون زكاة هرتا يغ دسمقورناكن ستله كنف حول دان عبادت حج يغ هاڻ بويه دلقسناكن قد ماس ترنتو قد بولن ذوالحجة.

مك، سباكاي اورغ اسلام، كيت واجب مغيركاي نعمت ماس دان مغاتورن دغن فنوه تگكوغجواب دان بيجقسان. درفد عبدالله بن عباس رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا: **أَغْنِمْ خُمْسًا قَبْلَ خُمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصَحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ، وَغَنَّاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ.**

مقصودن: منفعتن ليم فركارا سبلوم (داتغ) ليم فركارا: (ماس) مودامو سبلوم (ماس) توامو، صيحتمو سبلوم ساكيتمو، (ماس) كايو سبلوم (ماس) سمقيتمو، ماس لافغ مو سبلوم (ماس) سيوقمو، دان (ماس) هيدوقمو سبلوم (ماس) كمانيمو. {حديث رواية الحاكم}

سسوگوهن رسول الله ﷺ تله ميريكن فندوان يغ جلس تنتغ فنتيغن مغلوناكن ماس دغن بيجقسان دان سبايك موغكين، تراوتامن سمناس كيت ماسيه مودا، صيحت دان براد دالم كادان لافغ. اين كران ماس يغ برلالو

تيدق اكن كمبالي دان مريك يغ كاكل مغيركايين اكن مبسل دكمودين هاري.

امام الشافعي بركات: "ماس ايت باكاين قدغ. جك اغكاو تيدق موتوغن اتاو مغلوناكن (مغلوناكن ماسمو دغن بايك)، مك اي اكن موتوغمو. جك ديرمو تيدق دسيوقكن دغن كبايكن، فسني اكن دسيوقكن دغن فركارا سيا-سيا."

جماعه يغ درجتي الله،

جغت سكال ماس برلالو منيغكتن كيت دان كيني كيت تله فون براد دتاهون ۲۰۲۶. بكيوله صفة ماس يغ سنتياس بر كرق دان اكن تروس بر كرق تنفا هنني. ستياف كيت هاڻ مغوياي ماس سبايك ۲۴ جم سهاري سنام. نامون بكيو، اد سكاليتير درفد كيت يغ تيدق مغوياي ماس يغ جوكوف دان مراساكن بهاوا ماس ايت برلالو دغن بكيو جغت سهيغك كيت مندافي بهاوا بايق فركارا دان كفلوان هيدوف سهارين تيدق دافت دفتوهي.

كتهويله، بهاوا ماس اتاو وقتو يغ برلالو دغن فتنس ايت اداله ترماسوق دالم تند-تندا همشير برلاكون هاري قيامه. درفد انس بن مالك رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، رسول الله ﷺ برسيدا يغ برمقصود: **تيدق اكن برلاكو قيامه سهيغك وقتو تراس بكيو فتنس، مك ستاهون دراساكن سقرتي سبولن، سبولن دراساكن سقرتي سهيغكو، سميغكو دراساكن سقرتي سهاري، سهاري دراساكن سقرتي ساتو جم دان ساتو جم دراساكن سقرتي ساتو ساميرن اف.** {حديث رواية امام ترمذي}

مانا كلا سكاليتير كيت فولا مغوياي ماس يغ جوكوف دان دافت منوهي كفلوان هيدوف كيت دغن سمقورنا دان تراتور. فركارا اين ترجادي كران كيت تاهو باكيما اونتوق مغوروس دان مغاتور ماس دغن سمقورنا دان تراتور. دان سبايكن اكن روكي جك تيدق دافت مغوروس ماس دغن بايك. مندغكن بتاف فنتيغن ماس ترسيوت، مك اكلام اسلام ميريكن فرهاين يغ برت ترهادف فغوروسن ماس يغ مان كيت سموا اكن دتان داخيرة كلق، اذكه كيت تله مغلوناكن قمبرين اتاو نعمت-نعمت يغ دكورنياكن الله ﷺ ايت دغن سبايك-بايكن. درفد ابو برة الأسلمي رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ اي بركات: رسول الله ﷺ برسيدا يغ برمقصود: **تيدق اكن بر كرق كلوا-دوا كاكي سساورغ همبا ايت قد هاري قيامه دفاغ محشر سهيغك اي دسوال تنتغ عمورن باكيما دهايسكن، تنتغ علمون اف يغ دلاكوكن دغن، تنتغ هرتان**

دري مان دفراولهي دان اونتوق اف اي دبلناكن دان تنتغ توبوه بادنن باكيما اي مغلوناكن. {حديث رواية امام ترمذي}

جماعه يغ درجتي الله،

دالم القرآن تله دجلسكن سسوغوهن الله ﷺ تله مغايغتنن بهاوا مانسي ايت سنتياس براد دالم كروكين سكران مريك تيدق تاهو مغوروسكن ماس دغن بايك دان مغهايسكن ماس دغن فركارا-فركارا يغ تيدق برفائده سقرتي برهيور، ليفق يغ تيدق برمنفعت، سوكا براغن-اغن، منابور فتنه دان سبايكن. جوسرو، انتارا فركارا-فركارا كبايكن يغ بويه دعملكن اونتوق ديسي كدالم اتورن ماس يغ برمنفعت دان برفائده انتاران:

فرتام: سنتياس مغيربايكن عمل عبادت كفلد الله ﷺ دغن اخلاص تنفا جو. **كلوا:** مغيبي ماس اونتوق منمبا علمو فنتاهوان. **كنيك:** منونيكن تونتوتن فرض عين سقرتي مغيرجاكن سمبيغ، فواسا دان سبايكن. **كامقت:** ماس اونتوق مغيركاي دان مرايغ ماس دغن. **كليم:** ماس اونتوق برسام اهل-اهل كلوارك دان مشاركت. **كاتم:** سنتياس منمفتكن ماس دغن براوسها اونتوق ماحوكن ديري، كلوارك، مشاركت دان نكارا.

اخيرن، ماريله كيت مغيركاي دان مغوروس ماس ايت دغن بايك دان فنوه بيجقسان. فنوهيله سكل رواغ دان ماس دغن سبايك-بايكن. كيت كوناكن ماس هيدوف اين دغن سمكسيما موغكين اونتوق فركارا-فركارا يغ فوسيتيف خصوصن اونتوق منجانلكن ميسي اوتام كيت دجيفتاكن كدنيا اين بايت برعبادت كفلد الله ﷺ.

سام-سامله كيت بر دعاء سموك الله ﷺ منجاديكن كيت دالم كالغن همبا-همبا يغ سنتياس مغيركاي دان منمفتكن ماس سرتا ميمقين كيت اكر تروس استقامة دالم ملاكوكن كطاعتن باكي مراهيه كيهكايان داخيرة كلق. آمين يا رب العالمين.

واهي اورغ-اورغ يغ برلمان! بر تقوى له كفلد الله دان هندقله ستياف اورغ مراهيتكن اف يغ تله دسدياكن اتوق هاري يسوق (هاري اخيرة) دان بر تقوى له كفلد الله. سسوغوهن الله مها تليي ترهادف اف يغ كامو كرجاكن. {سورة الحشر آية: ۱۸}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قُورَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاةِ النَّاسِينَ.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْظَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَعْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوِضْ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 13 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Maintenance Of Two (2) Units Of 'Sigma' Lift At Tutong District Office Building, Negara Brunei Darussalam For A Period Of Twenty-Four (24) Months (1.05.2026 – 30.04.2028)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin, 26 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II, III

Kategori:
B01, KA01, KA02, S01, S02

Tarikh Buka Tawaran pada:
12 Januari 2026 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
27 Januari 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
3 Februari 2026 (Selasa)
Sebelum jam 2.00 petang.

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / T033 / 2025
Kerja-Kerja Perobohan Lima (5) Bangunan Stesen Pemindahan Sisa Sedia Ada Di Kampong Ayer.

No. Projek:
JASTRE / BKP / T033 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 10.00 (Non Refundable)



Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 14 / 2025 - 2026

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Memunggah, Membersihkan, Perkhidmatan Pengangkutan Dan Pembuangan Sampah Bagi Bangunan-Bangunan Kerajaan dan Perumahan-Perumahan Kerajaan Di Bawah Kawalan Jabatan Daerah Tutong Bagi Tempoh Kontrak Dua (2) Tahun. (Tahun 2026 Hingga Tahun 2028)

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin, 26 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
III sahaja

Kategori:
B01, KA01 DAN E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM001 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / JKR.01

Nama Projek:
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Sinarubai dan Blok EF Beribi Di Bawah Kawalan JKR, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
20 Januari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
3 Februari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 144 / 25 – 26
Grass Cutting For Radio Television Brunei Tutong Branch For A Period Of Seventeen (17) Months

Bayaran Yuran:
(Termasuk e-dokumen):
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas:
(Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
21 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.13 / FSS

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

Tarikh Tutup / Jam:
24 Januari 2026 - Sabtu
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas III sahaja dan Kategori Kerja S02 dan S07 bagi:

[i] Nama Projek :
Three (3) Years Term Contract For General Maintenance Works At Perumahan Negara Kg Panchor (Mengkubau), Brunei-Muara District, Negara Brunei Darussalam.

[ii] Bil. Projek:
JKP / 02 / 2026

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mel kepada **tender.jkp@hdd.gov.bn**.

Tarikh Buka Tawaran:
12 Januari 2026 (Isnin)

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026
(Selasa)

Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan**

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat dari
jam 2.00 petang
pada Khamis,
12 Februari 2026.**

Borang Sebut harga:
BND7.00

1. JPt / SH / 64(A) / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pembaikan Am di Bangunan Banglo 2 dan 3, KKP Tungku

2. JPt / SH / 112 / 2025 - 2026
Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning of Microscope with Accessories for The Plant Pathology Laboratory in Support of ISO/IEC 17025:2017 Compliance

Tawaran-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas II dan keatas sahaja dan Kategori Kerja KPB01 bagi:

Bilangan dan Nama Projek:
JKP / 01 / 2026

Kerja-Kerja Penyelidikan Tanah Bagi Cadangan Pembinaan Di Perumahan Negara Kampung Salambigar, Negara Brunei Darussalam

Tender Information Pack boleh dipohonkan dan didapati dengan menghantar e-mel kepada **tender.jkp@hdd.gov.bn**.

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin,
5 Januari 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan,
BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND100.00
[Tidak dikembalikan]

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
[Tidak dikembalikan]
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



3. JPt / SH / 113 / 2025 - 2026
Provision of Laboratory-Based Molecular Identification and DNA / RNA Sequencing Services for Plant Pathogenic Microorganisms

4. JPt / SH / 114 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Memotong Rumput dan Membersih Kawasan Bagi Pusat Pertanian Brunei Kilanas, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun





**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:

JPE / LTK / JAN / 102 / 2025

Tajuk:

Supply And Delivery
Of Spare Part For Detroit Diesel
Engine AT Lumut Power Station

Tarikh Tutup:

Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:

BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:

Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:

Pembekal Yang Berdaftar Dalam
Registry Of Company And
Business Names (ROCBN),
Kementerian Kewangan dan
Ekonomi

Dokumen-dokumen
tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperoleh
dari Kaunter
Unit Tawaran,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:

Sila bawa
salinan Sijil Pendaftaran di
Kementerian Pembangunan
semasa mengambil dokumen
di Kaunter Tawaran,
Tingkat Empat (4),
Ibu Pejabat Jabatan
Perkhidmatan Elektrik,
Negara Brunei Darussalam.



**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB1

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Communicate
With Impact

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB2

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Public Speaking

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB3

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Customer
Service Excellence

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB4

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Career Starter:
Getting Job Ready

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB5

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Introduction To
AI For Jobseekers

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB6

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Professional
Presence & Etiquette

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB7

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Problem Solving
At Work

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB8

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Workplace
Resilience & Stress Management

Bilangan Tawaran:
PPB / CSSU / SST / TK25 - 26 /
SB9

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Mengendalikan
Kursus Soft Skills Effective Team
Player

Yuran Tawaran:
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran
Rabu, 7 Januari 2026

Tarikh Tutup:
Rabu, 21 Januari 2026
2.00 Petang



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDBM / Q / 88 / 2025

Tawaran:
Membekal Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan
Selama Enam (6) Bulan,
Bagi Bangunan Jabatan
Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:

Selasa,
27 Januari 2026



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
07 / KKBS / HK42 -2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Install And
Dismantle Of New
40ft X 20ft Billboard In
Conjunction With 42nd
Brunei Darussalam
National Day Celebration,
2026

Tarikh Tutup:

Khamis,
22 Januari 2026



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025 - 2026 / 59
Event Management Services For
Networking Session Between
Brunei Darussalam And Asita,
Riau (Indonesia) Travel Agents,
January / February 2026

**Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**

JKP / SH / 2025 - 2026 / 60
Event Management Services For
Networking Session Between
Brunei Darussalam And
Educational Travel Agents
(China), January / February 2026

Tarikh

Tutup Tawaran:
Khamis,
15 Januari 2026,
Jam 2.00 Petang



1. Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 - 2026 / 64

Tajuk Tawaran:
Construction, Furnishing
And Dismantling Of
Brunei Darussalam Pavillion And
Other Logistics At Natas Travel
2026 (The Fair),
27 - 29 March 2026,
Singapore

2. Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 - 2026 / 65

Tajuk Tawaran:
Event Management
Services & Other Logistics
At Arabian Travel Market 2026,
4 - 7 May 2026,
Dubai, UAE

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Khamis,
22 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

1. UNISSA / SB0055 / 2025 / 2026

Mencetak dan Membekal Tiga (03) Buah Buku Jurnal Terbitan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Press

2. UNISSA / SB0056 / 2025 / 2026

To Supply And Delivery Lab Equipment (Rotary Evaporator) For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Research Grant Titled "The Investigation Of Citrus Hystix Leaves Extract For Amylase Inhibitor Activity And Antimicrobial Activity Against Antimicrobial Resistance Pathogens (AMR)"

Tarikh Tutup:

Rabu, 21 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12 / 2025 – 2026 (R)

Tajuk Sebut Harga:

Term Contract Of 12 Months On Maintenance Work Including To Inspect, Supply And install Vehicle Parts For Ministry Of Primary Resources And Tourism.

Tarikh Tutup

Sebut Harga:

Khamis,
22 Januari 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu

Sebut Harga:

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian



UNISSA / SB0054 / 2025 / 2026

Fabrication, Supply And Install Logistic Requirement For Higher Education (HE) Expo 2026 For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) At Bridex Hall, Jerudong – [MOD Class: 2 & Above]

Tarikh Tutup:

Rabu, 21 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL NEGERI

Bilangan Tawaran:
26 / BBS / SDSFJBKBS /
2025 - 2026

Keterangan Projek:
To Develop Software Application
On Customer Satisfaction

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup:

Selasa, 27 Januari 2026



JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan

Tajuk Sebut Harga:

ADMIN / 2025-2026 / SH-04
To Supply and Deliver Printers & Replacement Ink / Toner for Department Of Civil Aviation, Ministry of Transport and Infocommunications.

Dokumen Sebut Harga
bolehlah diperoleh:

Kaunter Seksyen Kewangan
Aras Bawah



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Pemberitahuan Tawaran

Tawaran Perkhidmatan Kantin Bagi Sekolah Arab Dan Sekolah-Sekolah Ugama Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah:

KHEU / JPI / KANTIN / 10 / 06
Sekolah Ugama Begawan Pehin
Udana Khatib Haji Awang Umar,
Kampung Setia,
Kawasan Brunei I

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah:

KHEU / JPI / KANTIN / 30 / 06
Sekolah Ugama Panchor Murai,
Kawasan Brunei IV

Daerah Belait

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah Arab:

KHEU / JPI / KANTIN / 07 / 06
Sekolah Arab Belait,
Belait

Daerah Tutong

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah:

KHEU / JPI / KANTIN / 34 / 06
Sekolah Ugama Lamunin,
Tutong II

Daerah Temburong

Bilangan Tawaran Dan Nama Sekolah:

KHEU / JPI / KANTIN / 42 / 06
Sekolah Ugama Bokok,
Temburong

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu,
24 Rejab 1447H /
14 Januari 2026M
Jam 2.00 Petang.



Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu,
14 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapi Profil PSCR 2.0

2. Lengkapi Kelulusan

3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap

4. Tandakan "..." pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5. Lengkapi Maklumat



	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JEMIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	PEGAWAI PENDIDIKAN JABATAN PENGURUSAN PENDIDIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN PG.3 (BAHAGIAN II) 2025/DEC/02/KPDK	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	54	7(A)-GH	14 JANUARI 2026
2.	PENOLONG PENGARAH PEROLEHAN JABATANARAH KEWANGAN DAN PEROLEHAN KEMENTERIAN PERTAHANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2025/DEC/04/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	38(A)	14 JANUARI 2026
3.	PEKERJA TEKNIKAL TINGKAT KHAS JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PERDANA MENTERI D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/DEC/06/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	14 JANUARI 2026
4.	PENOLONG PENERBIT JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/DEC/07/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	03	7(A)	14 JANUARI 2026
5.	PENOLONG PENERBIT TINGKAT II JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/DEC/08/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	04	7(A)	14 JANUARI 2026
6.	PEGAWAI LATIHAN KANAN INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI B.3 (BAHAGIAN II) 2026/JAN/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	17 JANUARI 2026
7.	PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/JAN/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	06	7(A) JKK-MOH	17 JANUARI 2026
8.	ATTENDAN KEDAI LADANG JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/JAN/01/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	17 JANUARI 2026
9.	PENGAWAS TINGKAT KHAS PEJABAT PENERBANGAN KDIYMM KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/JAN/01/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	19 JANUARI 2026
10.	PEKERJA AM TINGKAT I PEJABAT DAERAH BRUNEI MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/JAN/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	19 JANUARI 2026
11.	BENTARA DEWAN JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/JAN/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	19 JANUARI 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEAWAI DAN KARYAJAWA KEHAJAU HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAMA-JA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebij
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebij ukuran sederhana
Pisang

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123



ROMBONGAN diketuai oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri.

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

BELAIT, Sabtu, 10 Januari. - Tinjauan dan lawatan Jawatankuasa Tertinggi (JKTT) Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) diteruskan lagi ke Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Belait, baru-baru ini.

Rombongan diketuai oleh Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Timbalan Setiausaha Agung (Dalam Negeri), PGGMB, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Suhaili; dan Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri),

PASTIKAN PRASARANA BILIK KELAS, KEMUDAHAN TERSEDIA DENGAN BAIK

PGGMB, Awang Haji Yahya bin Haji Mirassan.

Tujuan lawatan antara lain adalah bagi meninjau suasana pengajaran dan pembelajaran murid-murid serta persediaan pihak sekolah dalam menyediakan prasarana di bilik-bilik kelas dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh murid-murid.

Rombongan diberikan taklimat ringkas oleh Guru Besar STJ PGGMB Belait, Dayang Fazziah binti Haji Kamis.

Dalam taklimat berkenaan, Dayang Fazziah mengongsikan bahawa pihak sekolah telah membuat persiapan rapi semasa cuti persekolahan yang lalu seperti mengusai bilik-bilik darjah dengan lebih menarik, suasana penerimaan murid-murid baharu secara santai dan ber sistem serta memastikan fasiliti-fasiliti di sekolah dalam keadaan baik dan berfungsi.

Alhamdulillah, Yang Dipertua PGGMB berpuas hati sepanjang lawatan berkenaan.

Pihak sekolah telah memberikan komitmen dan kerjasama yang


padu terhadap perkembangan dan kemajuan sekolah serta sikap pemedulian terhadap murid-murid.



TAHUKAH AWDA?

CARA MUDAH UNTUK MEMILIKI SOLAR

Ingin beralih kepada tenaga solar? Langkah pertama yang **mudah** dan **berpatutan** ialah dengan menerokai alternatif lampu solar untuk rumah awda. Produk ini kini tersedia secara meluas di dalam negara, termasuk:






TAHUKAH AWDA?

Sel solar menukar cahaya matahari kepada tenaga elektrik pada waktu siang, yang disimpan di dalam bateri untuk menerangi kawasan luar rumah awda pada waktu malam!

www.energy.gov.bn
renewable.energy@energy.gov.bn
+ 673 2384488 ext 3271

Pastikan pendidikan anak mengikut cara Islam

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

LAMBAK KIRI, Sabtu, 10 Januari. - Dalam Islam, pendidikan anak bukan hanya sekadar memberikan ilmu pengetahuan tetapi juga menanamkan nilai-nilai keagamaan dan moral yang kuat.

Oleh yang demikian, ibu bapa mempunyai tanggungjawab besar dan perlu memastikan anak-anak belajar dengan sempurna mengikut cara pendidikan yang dianjurkan oleh Islam.

Pendidikan yang diberikan hendaklah merangkumi pendidikan akidah, ibadat dan akhlak. Didikan yang sempurna pula merangkumi pengajaran dan pembelajaran pelbagai amalan yang turut melengkapi keperluan hidup kanak-kanak khususnya dari segi rohani, jasmani, emosi, intelektual yang turut meliputi

penguasaan kemahiran menulis dan membaca.

Kemahiran menulis dan membaca adalah kemahiran yang terungkap pada wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu Iqra'. Ayat berkenaan telah menegaskan bahawa bagi mendapatkan ilmu adalah dengan membaca.

Perkara berkenaan menunjukkan bahawa kemahiran menulis dan membaca adalah kunci kepada mendapatkan ilmu pengetahuan dan merupakan kunci kepada memahami, menghayati kandungan kitab suci Al-Quran yang di dalamnya mengandungi pelbagai pengetahuan dan ilmu yang berguna kepada manusia.

Malah, kemahiran menulis dan membaca juga adalah cara berkesan dalam mengajar dan menyebarkan ilmu dan maklumat yang bermanfaat kepada seluruh masyarakat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pula dalam memastikan bahawa kanak-kanak di negara ini mendapat pendidikan yang sempurna telah mewujudkan Akta Pendidikan Wajib yang mula dikuatkuasakan sejak 2007.

Manakala Perintah Pendidikan Ugama Wajib mula dikuatkuasakan sejak 2012. Ini adalah usaha negara melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memastikan kanak-kanak mengikut persekolahan umum dan bersekolah ugama.

Melalui Akta Pendidikan Wajib berkenaan, para ibu bapa yang gagal menghantar atau mendaftarkan anak ke sekolah apabila telah cukup umur wajib bersekolah, mereka akan dikenakan hukuman denda kewangan atau boleh dikenakan hukuman yang lebih berat.

Perintah berkenaan antara lain bertujuan memastikan kanak-kanak berumur di antara 6 dan 15 tahun di negara ini menerima pendidikan rendah dan menengah sama ada di sekolah kerajaan ataupun swasta secara berdaftar rasmi serta menerima pendidikan yang bersesuaian di sekolah.

Tidak setakat itu, ibu bapa dan penjaga kanak-kanak perlu pula memastikan kehadiran atau kedatangan anak-anak mereka ke sekolah di samping mengikuti jadual pelajaran yang telah disediakan oleh guru.

Apa yang penting, ibu bapa dan ahli keluarga perlu sama-sama menamai amanah dan tanggungjawab berkenaan supaya negara akan mampu menghasilkan modal insan yang benar-benar boleh membawa negara ke tahap pembangunan yang lebih baik dan berkesan bagi membentuk dan mengembangkan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri dan mencapai tahap kehidupan bermasyarakat yang sempurna.

Bersempena dengan musim penggal pertama persekolahan pada 2026 ini, adalah diharapkan para ibu bapa serta penjaga mereka akan terus merangsang anak-anak mereka supaya mencintai ilmu kerana sesungguhnya ilmu merupakan alat atau senjata paling berkesan untuk mencapai kemajuan serta kejayaan dalam hidup.

Pendidikan agama dan akademik hendaklah juga diberikan penekanan yang



DENGAN memberikan pendidikan yang baik, menjadi contoh yang baik, dan memahami kemahuan anak, ibu bapa dapat membentuk anak-anak mereka menjadi individu yang soleh dan solehah.

seimbang memandangkan kedua-duanya merupakan cabang ilmu yang diperlukan bagi mendapatkan kebahagiaan serta kesempurnaan dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat.

Kesimpulannya, mendidik anak dalam Islam adalah proses yang memerlukan kasih sayang, kesabaran dan kebijaksanaan. Dengan memberikan pendidikan yang baik, menjadi contoh yang

baik, dan memahami kemahuan anak, ibu bapa dapat membentuk anak-anak mereka menjadi individu yang soleh dan solehah.

Pendidikan yang dimulai sejak kecil lagi akan menjadi asas yang kukuh bagi anak-anak dalam menjalani kehidupan mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan kita kekuatan dan petunjuk dalam mendidik anak-anak kita.

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.

Tinggal lebih masa, seorang warga asing dipenjara, sebat

Siaran Akhbar : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 10 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) sukacita mengongsikan satu sesi pendakwaan ke atas Md. Abdur Razzak Benu, seorang lelaki warganegara Republik Rakyat Bangladesh berumur 38 tahun.

Beliau telah dijatuhkan hukuman penjara lima bulan dan tiga kali sebatan bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh. Hukuman berkuat kuasa pada 5 Januari 2026.

Sehubungan dengan itu, orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan dengan mana-mana individu yang dipercayai melakukan kesalahan imigresen adalah dialu-alukan untuk menyalurkan maklumat dengan menghubungi terus ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) atau +673 8984111 (Kuala Belait).

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



ابن زهر: قرينتييس فراوبتن اسلام دان تلادن علميه

Oleh : Nurlina Shazlina Haji Ali
dengan kerjasama Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji
Roslan dari Balai Khazanah Islam
Sultan Haji Hassanal Bolkiah

دان راوتن منونجوقكن بهاوا قمرهاتين
ترهادف قساكيت دان قغالمن سبئر ساغت
قنتيغ دالم مهاجوكن علمو فراوبتن.

ابن زهر مبيقوتين بهاوا علمو
فراوبتن تيدق بوليه هان بركنتوغ قد تيوري.
ايا مستي داوجي، دكاجي دان دقربهاروئي
ملالوئي ايكسفيرمين دان قغالمن
كلينيكل. باكي كينراسي مودا، ابن زهر اياه
چونته بهاوا كجايان دانغ درقد اينوواسي،
كتليتيت دان كبرانين منچابر كسيلقن دالم
علمو. بلياو مقاجر بهاوا ايكسفيرمين دان
بوقي سبئر اداله اساس قنتيغ دالم
قيليدقن ساءين س مودن

كسيمقونلن، ابن زهر بوكن سقدر
فاكر فراوبتن، تنافي لامبغ كچمرلقن تمدون
اسلام. ملالوئي كاريان دان قرينسيقن، بلياو
منونجوقكن بهاوا كابوغن قغالمن
قركتيكل، كاجين كريتيس دان ايتيكا
قروفيسيونل اداله كونجي كقد كماجوان
دالم بيدغ فراوبتن دان ساءين س. سماغت
اينوواتيغن قاتوت دجاديكن تلادن دالم
دنيا فراوبتن مودن هاري اين.

سجق زمان أبقرراط دان جالينوس.

ابن زهر جوك دوكتور قرتام يغ
مقكوناكن تيكنيك بيوس ملالوئي
قرنفسن، بياسان مقكوناكن شقن يغ درندم
باهن انيستيسيا سماس قمبدن. بلياو
منكسكن بهاوا دوكتور مستي مقوئاماكن
قمرهاتين، اوجين دان قغالمن سبئر دغن
قساكي، بوكن سقدر مقيكوت اجرن لاما
تنفا مهمي سببن.

ابن زهر جوك منوليس بيراف كاريان
قنتيغ، انتارن التيسير في الهداوة
والتدير. بوكو اين ممبينچقكن چارا مراوت
قلباكي قساكيت سرتا منكنن كقنتيغن
منجلك كصيحتن ملالوئي قماكنن دان
كاي هيدوف صيحت. كاريان اين ساغت
برقغاروه دان دترجمهكن كدالم بهاس
لاتين، مبري كسن بسر كقد قركمبغن
فراوبتن بارت قد زمان قرتقغن.

سلاءين هيبت دالم كهايرن
فراوبتن، ابن زهر جوك ساغت منكنن
ايتيكا دان ققوئجواب ساورغ دوكتور.
باكيث، ساورغ دوكتور مستي جوجور،
منجلك كجاجيقن قساكيت دان مقعملكن
ايتيكا فراوبتن يغ بايق، ساتو نيلاي يغ
ساغت قنتيغ هيغك هاري اين. چارا كرجان
يغ ترسوسون دالم ممبوات دياكنوسيس

ساله ساتو سومبغن تربسر ابن زهر

دالم دنيا فراوبتن اياه ققكونان قاعده
ايكسفيرمين دالم قمبدن. بلياو دكنلي
سباكاي اورغ تراول يغ ملاكوكن اءوتوقسي
(بده سياست) دالم دنيا اسلام. بلياو
ملاكوكن بده سياست قد حيوان سفرتي
كمبيغ دان كلداي اونتوق ممقلاجري
اناتومي دان مهمي باكايما قساكيت
ممبري كسن كقد اوركن. ساله ساتو
كاجين اياه تنغ اولسر فارو ۲ يغ مان بلياو
ممبوات كاجين ترهادف كمبيغ دان
ممباونكن تيكنيك راوتن يغ كمودين
دكوناكن قد مءانسي.

ابن زهر جوك منچيشتا فروسيدور
تراكيوتومي، ياءيت ممبوك سالورن
قرنفسن اونتوق مراوت مسئله قرنفسن.
بلياو جوك منجاتت سجاره سباكاي اورغ
قرتام يغ ملاكوكن سونتيغن نوتريسي،
ياءيت ممبري ماكنن كقد قساكيت ملالوئي
جاروم، ساتو ققچاقاين قنتيغ دالم فراوبتن
مودن. بلياو تله برجاي ممبيقوتين بهاوا
قاراسيت بوليه منجادي قونچا قساكيت
كوليت سفرتي كوديس دان رادغ،
سكاليكوس منولق تيوري لاما تنغ امقت
چچاير بادن (تيوري هومور) يغ دقراياعي

ابن زهر اتاو نام قنوهن أبو مروان عبد الملك
بن زهر، اياه ساورغ توكوه فراوبتن اسلام
يغ تركنل. دنيا بارت، بلياو دكنلي سباكاي
Avenzoar اتاو Abumeron. بلياو دكلر
كتوا قمبدن ايكسفيرمين دان كتوا
قاراسيتولوكي كران بايق ممقركنلكن قاعده
بهارو دالم قمبدن، فراوبتن كلينيكل سرتا
كاجين تنغ قاراسيت دان قساكيت
برجاشكيت. سومبغن تله ممباوا فراوبتن
بسر دالم چارا فاكر فراوبتن ممبوات كاجين
دان راوتن قساكيت.

ابن زهر لاهير قد تاهون
۱۰۹۱/هـ ۱۰۸۳م ددالم سبواه كلوارك فاكر
فراوبتن يغ دحرمتي دان منيكل دنيا قد
تاهون ۱۱۶۱/هـ ۱۱۵۰م دتمقت يغ سام.
سجق كچيل، بلياو سوده تربياسادغن دنيا
علمو فراوبتن كران باقن سنديري اياه
ساورغ دوكتور تركنل. قد ماس ايت،
اندالوسيا مروفاكن قوست علمو يغ ماجو،
تراوتام دالم بيدغ فراوبتن، فلسفة،
استرونومي دان سني. دالم سواسان قنوه
علمو اين، ابن زهر ممبسر دغن مينت يغ
قوات ترهادف فراوبتن، اناتومي دان
فيسولوكي.



'One Billionth Barrel Monument' mercu tanda pencapaian hasil negara

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

MUKIM Seria, Daerah Belait mengandungi tujuh buah kampung iaitu Kampung Baru (dulu dikenali sebagai Kampung Badas), Sungai Bera, Kampung Pekan Seria (dulu dikenali sebagai Kampung Cina), Pekan Seria Kawasan 1 dan Kampung Pekan Seria Kawasan 2, Kampung Lorong Tiga Seria (Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Seria), Kampung Lorong Tengah dan Selatan (Perumahan Baru Lorong Tengah Seria), Kampung Panaga A, B dan C (Perumahan 2000) dan Kampung Masjid. Lebih 27 ribu penduduk yang menetap di Mukim Seria. Jumlah ini bertambah dari setahun ke setahun dan ini tidak termasuk penduduk-penduduk dari Perumahan Kampung Panaga (Perumahan 2000) dan Perumahan Lorong Tengah Seria.

Seperti daerah-daerah lain, Mukim Seria juga mempunyai tempat-tempat yang menarik dan mampu menjadi tarikan kunjungan pelancong dan orang ramai. Salah satu daripada tempat yang boleh menjadi daya tarikan di Mukim Seria ialah One Billionth Barrel Monument. One Billionth Barrel Monument terletak di sepanjang pantai di Seria dan merupakan simbol pencapaian dalam pengeluaran minyak Negara Brunei Darussalam (NBD).

One Billionth Barrel Monument

Ia dibina pada tahun 1991 bagi memperingati pencapaian hasil NBD dengan struktur ikoniknya yang tinggi juga menjadi kebanggaan rakyat dan penduduk di negara ini. Mercu tanda kenangan itu menawarkan pemandangan matahari terbenam yang indah juga memperlihatkan pelantar minyak di kaki langit yang jauh daripada pandangan mata.

Dibina sepenuhnya daripada konkrit, One Billionth Barrel Monument dirasmikan pada 18 Julai 1991 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memperingati Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-45 dan Ulang Tahun Ke-62 Penemuan Minyak di NBD dengan struktur ikoniknya yang tinggi juga menjadi kebanggaan rakyat dan penduduk di negara ini.

Mercu tanda ini, yang dibina oleh

Brunei Shell Petroleum (BSP), menandakan pencapaian menghasilkan satu bilion tong minyak mentah pada 18 Julai 1991. Monumen ini terletak berhampiran S-1, telaga pertama yang ditemui di medan minyak Seria oleh BSP pada tahun 1929.

One Billionth Barrel Monument terletak di atas platform segi empat di Seria, Daerah Belait, berhampiran pantai Laut China Selatan. Struktur ini menampilkan enam tiang yang membentuk gerbang, melambangkan enam dekad pengeluaran minyak di NBD daripada penemuan Telaga Seria No. 1 pada tahun 1929 hingga pencapaian satu bilion tong pada tahun 1991. Di puncak gerbang tersebut terdapat lambang NBD, dihiasi dengan daun emas. Platform ini diturap dengan jubin yang menampilkan corak Islam, mencerminkan nilai budaya dan estetika tempatan.

Di sepanjang laluan menuju ke monumen tersebut, panel dipasang untuk menggambarkan sejarah penerokaan dan pengeluaran minyak dan gas di NBD. Di sekeliling monumen tersebut terdapat peralatan pengeluaran minyak, termasuk pam minyak dan alat penggerudian serta lokomotif kereta api yang dipamerkan.

Sebagai Memperingati Pengeluaran

Minyak Mentah Satu Bilion Satu Tong dari Telaga Ladang Seria-1, tugu berkenaan, yang berdekatan Seria-1 merupakan telaga minyak pertama yang digerudi pada tahun 1929, ditemui oleh BSP. Kedudukannya terletak 38 meter dari Seria-1 merupakan satu-satunya penanda yang dijadikan kenangan.

Sebagai tempat beriadah

Bagi menambah tarikannya, One Billionth Barrel Monument menjadi tumpuan 30 artis seni lukis yang menjadikan tugu itu sebagai galeri seni lukis terbuka dengan menampilkan hasil karya masing-masing. Projek yang menampilkan artis tempatan itu, terdiri daripada artis veteran dan belia dijemput oleh BSP yang turut disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dengan berkunjung ke One Billionth Barrel Monument, orang ramai bukan sahaja dapat merehatkan minda, malah meningkatkan kesihatan tubuh badan dengan menjalankan aktiviti riadah di kawasan berkenaan. Mercu tanda kenangan itu menawarkan pemandangan matahari terbenam yang indah juga memperlihatkan pelantar minyak di kaki langit yang jauh daripada pandangan mata.

ANGKASAWAN NASA TINGGALKAN ISS RABU SUSULAN ISU KESIHATAN



WASHINGTON, 10 Jan. - Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Kebangsaan (NASA) pada Jumaat memaklumkan pihaknya bercadang untuk memulakan proses kepulangan awal empat anggota pasukan Kru-11 dari Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada Rabu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).
Agensi itu merancang untuk memulakan proses keluar dok

kapal angkasa berkenaan seawal 5 petang (2200 GMT), tertakluk kepada keadaan cuaca, menurut satu kenyataan daripada agensi angkasa itu.
Sekiranya segalanya berjalan seperti dirancang, angkasawan terbabit dijangka mendarat di perairan luar pantai California pada Khamis kira-kira 3.40 pagi. Masa tepat akan disahkan menjelang waktu berlepas dan bergantung kepada faktor cuaca,

keadaan laut serta faktor lain.
NASA pada Khamis mengumumkan bahawa ini merupakan kali pertama dalam sejarah ISS sepasukan kru dibawa pulang lebih awal disebabkan kebimbangan terhadap tahap kesihatan seorang angkasawan.
Agensi itu tidak mendedahkan identiti anggota kru terbabit mahupun butiran mengenai masalah perubatan yang dialami,

namun menyatakan ia tidak berkaitan dengan tugas di ISS dan bukan merupakan satu kecemasan. Ketua Pegawai Kesihatan dan Perubatan NASA, James Polk berkata angkasawan berkenaan berada dalam keadaan stabil.
Isu kesihatan itu sebelum ini telah menyebabkan NASA membatalkan aktiviti berjalan di ruang angkasa yang dijadualkan pada Khamis, melibatkan

angkasawan Amerika Syarikat (AS), Zena Cardman dan Michael Fincke.
Mereka, bersama angkasawan Jepun Kimiya Yui dan angkasawan Rusia Oleg Platonov, telah berada di ISS sejak awal Ogos dan pada asalnya dijadualkan untuk berada di sana selama beberapa minggu lagi. - ©BERNAMA

Republik Indonesia tamatkan operasi SAR selepas 15 hari cari mangsa warga Sepanyol

JAKARTA, 10 Jan. - Pihak berkuasa Republik Indonesia secara rasmi menamatkan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) mangsa terakhir yang hilang selepas sebuah bot pelancong membawa beberapa warga Sepanyol terbalik di Labuan Bajo, Jawa Timur, akhir bulan lepas.
Badan Nasional Pencarian dan Pertolongan (Basarnas) dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa operasi SAR itu dihentikan pada

Khamis selepas 15 hari operasi intensif dijalankan bagi mengesan empat mangsa yang hilang dalam insiden itu.
Ketua Pejabat Pencarian dan Pertolongan Maumere merangkap penyelar misi SAR, Fathur Rahman berkata tiga mayat telah ditemukan, manakala seorang warga Sepanyol masih belum dijumpai dan diisytiharkan hilang.
Pada 26 Disember, sebuah bot

pelancong yang membawa Jurulatih Kelab Valencia CF Femenino dari Sepanyol, Fernando Martin bersama isteri dan empat anak mereka serta beberapa kru tempatan, telah terbalik.
Seramai tujuh orang termasuk isteri dan seorang anak perempuan Martin berjaya diselamatkan.
S sepanjang 15 hari operasi dijalankan, pasukan penyelamat menemukan mayat anak perempuan

jurulatih itu yang berusia 12 tahun pada 29 Disember, manakala mayat Martin ditemukan pada 4 Januari dan mayat seorang daripada anak lelakinya dijumpai dua hari kemudian.
Mangsa terakhir dikenal pasti sebagai Martines Ortuno

Enriquejavier, yang juga seorang lagi anak lelaki Martin.
Fathur berkata sekiranya terdapat sebarang petunjuk baharu mengenai penemuan mangsa pada masa hadapan, operasi SAR berkenaan boleh dibuka semula. - ©BERNAMA

Korea Selatan : 5 maut dalam kemalangan di lebuh raya di Gyeongsang Utara

SANGJU (Korea Selatan), 10 Jan. - Lima maut pada Sabtu dalam beberapa kemalangan di lebuh raya di wilayah tenggara Gyeongsang Utara yang dipercayai berpunca daripada ais hitam, menurut pihak berkuasa, lapor Agensi Berita Yonhap.
Satu daripada kemalangan berlaku pada 6.20 pagi berhampiran persimpangan di bahagian Sangju di Lebuhraya Seosan-Yeongdeok, apabila sebuah lori terbabas selepas melanggar penghadang jalan ketika cuba mengelak sebuah

kenderaan yang berhenti. Pemandu lori itu maut di dalam insiden itu.
Kemalangan lain yang dilaporkan di kawasan sama termasuk sebuah kereta sedan yang meragut nyawa kesemua empat orang di dalamnya. Polis sedang menyiasat sama ada kemalangan itu mempunyai kaitan dengan satu lagi insiden melibatkan beberapa kenderaan, termasuk sebuah treler yang dilaporkan di kawasan berkenaan.
Dalam satu lagi kemalangan,

sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) terbakar selepas berlanggar dengan sebuah trak dan merempuh penghadang jalan berhampiran persimpangan berkenaan pada 6.35 pagi.
Setakat 11 pagi, jumlah korban kekal lima orang dengan beberapa lagi mangsa cedera. Polis percaya lebih 20 kenderaan terlibat dalam kemalangan itu. Berikutan kejadian itu, aliran trafik di beberapa bahagian lebuh raya berkenaan telah ditutup sementara. - ©BERNAMA

Amaran siklon tropika dikeluarkan untuk timur laut Australia

SYDNEY, 10 Jan. - Lebih 200,000 penduduk di timur laut Australia pada Sabtu dinasihatkan supaya bersiap sedia menghadapi angin kencang, hujan lebat dan banjir berikutan siklon tropika menghampiri pesisir pantai, lapor Xinhua.
Biro Meteorologi (BoM) pada Sabtu berkata sistem ribut tropika tekanan rendah dijangka berkembang menjadi siklon tropika kategori satu sebelum melanda pesisir timur laut negeri Queensland pada awal pagi

Ahad.
Amaran siklon yang dikeluarkan oleh BoM merangkumi kawasan pesisir pantai sepanjang 470 kilometer, termasuk bandar Townsville yang mempunyai kira-kira 230,000 penduduk serta pulau-pulau peranginan. Angin kencang dengan kelajuan sehingga 100 kilometer sejam dan hujan lebat boleh menyebabkan banjir kilat yang dijangka berlaku pada Sabtu.
BoM berkata hujan lebat luar biasa di bandar-bandar di tenggara

Townsville boleh menyebabkan banjir kilat berbahaya dan mengancam nyawa.
Ketua Menteri Queensland David Crisafulli memberitahu televisyen Australian Broadcasting Corporation pada Sabtu pagi bahawa bot penyelamat, selain polis, anggota bomba dan anggota Perkhidmatan Kecemasan Negeri, telah ditempatkan lebih awal di kawasan berkenaan bagi membantu operasi tindak balas. - ©BERNAMA

Salji lebat dijangka turun sepanjang cuti 3 hari di Jepun

TOKYO, 10 Jan. - Salji lebat dijangka meliputi kawasan luas merentasi beberapa wilayah di Jepun sempena cuti panjang hujung minggu dan sambutan "Hari Kedewasaan", menurut agensi cuaca negara itu pada Jumaat, sambil memberi amaran mengenai angin kencang dan ombak besar di sepanjang pesisir Laut Jepun serta di utara negara itu.
Kerajaan menyeru orang ramai

supaya sentiasa berwaspada dan menggesa pihak berkuasa tempatan bersiap sedia menghadapi sebarang gangguan terhadap perkhidmatan asas, lapor Kyodo News.
Agensi Meteorologi Jepun menjangkakan taburan salji sehingga 100 sentimeter (cm) di timur laut Tohoku dan sehingga 50 cm di beberapa bahagian Hokuriku dan Chugoku dalam tempoh 24 jam sehingga 6 petang

Ahad.
Isnin merupakan "Hari Kedewasaan", yang merupakan cuti umum di Jepun. Perdana Menteri Sanae Takaichi dalam satu hantaran di X berkata: "Jangan teragak-agak untuk mengambil tindakan lebih awal bagi melindungi nyawa anda," ketika sebuah pejabat perhubungan ditubuhkan bagi mengumpul maklumat dan memantau keadaan. - ©BERNAMA

Mawar Taif Arab Saudi, pati berharga untuk industri minyak wangi

TAIF (Arab Saudi), 10 Jan. - Mawar Taif yang terkenal di Arab Saudi, dihargai kerana aromanya yang luar biasa serta ketelitian yang diperlukan dalam penanaman, penuaian, dan pemrosesannya, merupakan antara produk minyak wangi semula jadi yang paling berharga di negara itu.
Bunga ini juga merupakan simbol pertanian dan kebudayaan yang menonjol serta mempunyai kaitan mendalam dengan warisan dan pelancongan di wilayah itu.
Menurut Agensi Berita Arab Saudi (SPA), terdapat lebih 910 ladang mawar Taif di negara itu yang tersebar di Al-Hada, Al-Shafa, Wadi Muharram, Al-Wahat, Al-Wahit, dan Wadi Liya. Kawasan penanaman ini meliputi kira-kira 270 hektar dengan anggaran 1.14 juta pokok mawar.
Ladang-ladang berkenaan menghasilkan hampir 550 juta kuntum mawar setiap tahun, yang kesemuanya dituai dalam musim yang singkat iaitu tidak melebihi 45 hari, bermula dari awal Mac hingga akhir April.
Hasil tuaian ini menghasilkan kira-kira 20,000 'tola' minyak mawar Taif.
Untuk menghasilkan satu tola (1 tola = 11.7 gram) minyak mawar, kira-kira 12,000 kuntum mawar diperlukan. Bunga-bunga ini dipetik secara manual pada waktu subuh dan disuling dalam tempoh 24 jam bagi mengekalkan ketulenan serta kualiti aromanya sebelum dipasarkan. - ©BERNAMA

LKIM sasar 20 Program Jualan Agro MADANI pada tahun ini

TEMERLOH, 10 Jan. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menasaskan penganjuran 20 Program Jualan Agro MADANI di seluruh negara pada tahun ini, berbanding sembilan program yang dilaksanakan pada tahun lepas.
Pengerusi LKIM Muhammad Faiz Fadzil berkata penganjuran program itu bertujuan memastikan rakyat mendapat harga ikan pada kadar yang lebih mampu milik, dengan potongan harga antara 10 hingga 30 peratus.
"Melalui Program Jualan Agro MADANI, kita mahu memastikan rakyat mendapat bekalan ikan yang mencukupi pada harga yang berpatutan, selain membantu nelayan dan pengusaha ikan memasarkan hasil mereka secara lebih berkesan," katanya kepada Bernama selepas merasmikan program berkenaan di Kampung Bangau Tanjung di sini hari ini.
Beliau berkata program itu turut memberi tumpuan kepada nelayan darat supaya rakyat di luar kawasan pesisir pantai tidak terpinggir, selaras dengan usaha memperluas pemasaran ikan laut dan ikan air tawar secara lebih menyeluruh.
Pada program itu, Muhammad Faiz turut menyampaikan sumbangan peralatan seperti pukat dan tong fiber kepada 13 nelayan darat, termasuk tiga usahawan Hab Pengumpulan dan Pengedaran Ikan Air Tawar (CCDC) LKIM yang beroperasi di Kampung Bangau Tanjung.
"Kita tidak pernah lagi beri bantuan kepada nelayan darat kerana ia luar daripada bidang kuasa kita. InsyaaAllah kita akan perluaskan lagi bantuan kepada nelayan darat yang terlibat secara langsung dengan pemasaran ikan," katanya. - ©BERNAMA



REPUBLIK RAKYAT CHINA MEMPERCEPATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI TERKINI

HEFEI, 11 Jan. - Daripada robot yang digunakan di lapangan terbang dan hotel kepada kenderaan autonomi yang bergerak di jalan bandar serta pengkomputeran kuantum yang menyelesaikan pengiraan industri yang kompleks, inovasi di Republik Rakyat China bergerak pantas dari makmal ke aplikasi dunia sebenar.

Di Lapangan Terbang Antarabangsa Hefei Xinqiao, ibu kota Wilayah Anhui, timur Republik Rakyat China, sebuah robot humanoid beroda bernama Zerith H1 bergerak di sekitar tandas, secara automatik menyesuaikan ketinggian untuk mengutip sampah, mengelap kotoran di kaunter, dan membersihkan lantai.

Dibangunkan oleh syarikat robotik Zerith yang berpusat di Hefei, robot pembersih pintar ini telah digunakan di lebih 20 lokasi di bandar-bandar utama Republik Rakyat China, termasuk Beijing, Shanghai, Guangzhou, dan Shenzhen. Ia berfungsi di pusat membeli-belah, lapangan terbang, dan hotel dengan melakukan pembersihan serta pengasingan barangan.

Ditubuhkan oleh pasukan graduan era 2000-an dari Universiti Tsinghua, Zerith berpindah dari prototaip makmal ke pengeluaran besar-besaran dalam tempoh setahun, memperoleh tempahan bernilai lebih daripada 100 juta yuan (kira-kira 14.3 juta dolar AS).

"Berdasarkan model besar khusus senario yang kami bangunkan sendiri, kami sentiasa melatih robot, mengumpul data, dan mengoptimumkan algoritma dalam persekitaran simulasi dunia sebenar, meletakkan asas untuk penggunaan praktikal," kata Yang Wei, Ketua Pegawai Jenama Zerith.

SELAIN robotik, Republik Rakyat China turut mempercepatkan pengkomersialan teknologi canggih lain ketika negara itu mengejar kemajuan dalam industri berteknologi tinggi.

Yang menjelaskan bahawa rumah kediaman merupakan senario aplikasi terakhir bagi robot pelbagai guna. Syarikat permulaan itu merancang untuk memulakan penggunaan perniagaan di hotel mewah dan dobi yang menyerupai persekitaran rumah, bagi mengesahkan teknologi dan mengumpul data dunia sebenar sebelum akhirnya membawa produk ke rumah-rumah biasa.

Selain robotik, Republik Rakyat China turut mempercepatkan pengkomersialan teknologi canggih lain ketika negara itu mengejar kemajuan dalam industri berteknologi tinggi.

Di pinggir barat Hefei, para penyelidik sedang memajukan pembangunan penjanaan kuasa fusi. Dengan menggunakan teknologi daripada projek 'matahari tiruan' Republik Rakyat China, saintis telah membangunkan peralatan pemeriksaan keselamatan untuk kereta api bawah tanah dan sistem terapi proton untuk merawat pelbagai jenis kanser.

Mekaniks kuantum, yang menandakan ulang tahunnya yang ke-100 pada 2025, juga mendorong inovasi industri.

Dalam sektor penjagaan kesihatan, Origin Quantum telah bekerjasama dengan sebuah universiti perubatan di Anhui untuk membangunkan peralatan saringan

kanser payudara berasaskan molibdenum, meningkatkan ketepatan analisis imej.

Dalam pembuatan, instrumen pengukuran ketepatan kuantum yang dibangunkan oleh CIQTEK dapat mengesan isyarat lemah daripada kekotoran magnetik dalam bahan mentah untuk bateri tenaga baru, meningkatkan kecekapan pemeriksaan dan keselamatan bateri.

Inovasi Republik Rakyat China semakin berkembang ke luar negara. Di sebuah bilik pameran kereta Chery di Kuala Lumpur, robot humanoid AiMOGA bertindak sebagai perunding jualan pintar. Fasih berbahasa Inggeris, ia menyambut pelanggan, membimbing pengunjung melalui bilik pameran, memperkenalkan ciri produk dan bahkan menghidangkan minuman, semuanya dengan campur tangan manusia yang minimum.

Zhang Guibing, pengurus besar Chery International dan AiMOGA Robotics, berkata robot tersebut telah digunakan di lebih 30 negara. Pasukannya sedang meneroka aplikasi di stesen kereta api laju, muzium, hospital dan pusat perkhidmatan kerajaan.

"Seterusnya, kami akan menumpukan pada standarisasi senario matang untuk replikasi pantas di seluruh dunia," kata Zhang. "Kami mahu menukar

permintaan praktikal menjadi kemampuan modular yang boleh digunakan berterusan pada robot generasi kedua dan ketiga kami".

Kemajuan Republik Rakyat China dalam mengkomersialkan teknologi terkini disokong oleh langkah dasar yang terkoordinasi, pelaburan modal dan penerapan senario.

Cadangan daripada kepimpinan tertinggi Republik Rakyat China bagi penyusunan Pelan Lima Tahun ke-15 negara (2026-2030) menyeru pengukuhan kapasiti penyelidikan asas dan inovasi asli serta mempercepat pencapaian terobosan dalam teknologi teras di bidang utama.

Kerajaan tempatan di seluruh Republik Rakyat China telah melaksanakan dasar bagi menyokong inovasi teknologi dan industri masa depan.

Pada Oktober lalu, Shanghai melancarkan satu set langkah untuk mempercepat inovasi teknologi terkini dan memupuk industri masa depan, dengan matlamat melahirkan kira-kira 20 syarikat industri masa depan terkemuka menjelang 2027. Shenzhen pula menubuhkan tiga dana pelaburan

bernilai 22 bilion yuan untuk menyokong syarikat permulaan teknologi.

Daripada perolehan kerajaan hingga pelbagai senario penggunaan seperti penjagaan warga emas, logistik, dan pengangkutan bandar, Republik Rakyat China menyediakan pelbagai 'tapak latihan dunia sebenar' untuk inovasi teknologi.

Platform seperti kemudahan latihan robot humanoid heterogen di Shanghai dan zon aplikasi sistem tanpa pemandu ruang penuh di Taman Luogang, Hefei membolehkan teknologi makmal diuji dan dioptimumkan dalam persekitaran simulasi dunia sebenar, mempercepat pengkomersialan.

Chen Jiachang, Timbalan Menteri Sains Dan Teknologi, berkata pada bulan Disember bahawa Republik Rakyat China akan mempercepat penyusunan dasar untuk memperdalam integrasi inovasi teknologi dan industri serta menggalakkan penggunaan kemajuan saintifik, memberikan sokongan kukuh untuk pembangunan daya pengeluaran baharu yang berkualiti. - ©XINHUA



Kebakaran hutan musnahkan lebih 100,000 hektar di 2 wilayah Afrika Selatan

CAPE TOWN, 11 Jan. - Beberapa kebakaran hutan terus marak di wilayah Western Cape dan Eastern Cape di Afrika Selatan pada Sabtu, dengan lebih 100,000 hektar tanah terbakar di Western Cape manakala proses pemindahan penduduk sedang giat dijalankan, menurut pihak berkuasa, lapor Xinhua.

Ketua Menteri Western Cape Alan Winde memberitahu penyiar awam SABC pada pagi Sabtu bahawa kebakaran menjejaskan seluruh wilayah Western Cape serta sebahagian kawasan jirannya, Eastern Cape.

Tiada kematian dilaporkan setakat ini, namun seorang kanak-kanak perempuan dimasukkan ke hospital di Mossel Bay dan beberapa anggota bomba menerima rawatan akibat terhidu asap.

Winde berkata "lebih banyak helikopter daripada sebelum ini" telah dikerahkan untuk memadam kebakaran, termasuk sebuah helikopter tentera. Beliau menambah bahawa lebih 100,000 hektar tanah telah terbakar di seluruh wilayah itu, dengan kebanyakan kerosakan infrastruktur berlaku di Mossel Bay serta kawasan seperti Du Noon di Cape Town dan Pearly Beach.

Majlis Perbandaran Mossel Bay memaklumkan pada pagi Sabtu bahawa walaupun tiada kebakaran aktif di kawasan itu, semua pasukan akan "kekal berwaspada" berikutan keadaan cuaca kering dan berangin.

Majlis Perbandaran Overstrand mengeluarkan kenyataan mengenai pemindahan penduduk akibat kebakaran pada tengah hari Sabtu dengan menyatakan bahawa sumber pasukan pemadaman kebakaran berada di bawah tekanan besar susulan dua kebakaran aktif di kawasan berkenaan.

"Keutamaan utama adalah untuk menyelamatkan nyawa," kata Pengurus Majlis Perbandaran Overstrand Dean O'Neill dalam kenyataan itu.

Beliau juga menggesa penduduk di kawasan lain dalam perbandaran itu untuk kekal berjaga-jaga, memberi amaran bahawa "pemindahan mungkin diperlukan jika keadaan bertambah buruk".

Sementara itu, di wilayah Eastern Cape, Majlis Perbandaran Kouga - antara kawasan paling teruk terjejas akibat kebakaran hutan menyatakan pada Sabtu bahawa pasukan bomba masih berusaha memadam beberapa kebakaran dan keadaan kekal tidak menentu.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan lewat Jumaat, Ketua Menteri Eastern Cape Lubalo Oscar Mabuyane menyuarakan "kebimbangan mendalam" terhadap kebakaran hutan yang melanda sebahagian wilayah itu, sambil menyatakan bahawa kejadian berlaku pada kemuncak musim pelancongan di Afrika Selatan dan menjejaskan destinasi pelancongan utama. - ©BERNAMA

Sri Lanka rekod lebih 2,100 kes denggi dalam tempoh 9 hari pertama 2026

COLOMBO, 11 Jan. - Sri Lanka merekodkan sebanyak 2,170 kes denggi dalam tempoh sembilan hari pertama tahun 2026, lapor agensi berita Xinhua memetik kenyataan pegawai kesihatan pada Sabtu.

Pakar Perubatan Komuniti Unit Kawalan Denggi Kebangsaan, Prashila Samaraweera memberitahu pemberita bahawa

"situasi denggi berisiko tinggi" telah dikenal pasti di 41 bahagian Pegawai Perubatan Kesihatan (MOH).

Beliau berkata pasukan kesihatan telah memperhebatkan operasi pemantauan dan kawalan nyamuk di kawasan berkenaan.

Samaraweera berkata pengetua sekolah dan pihak berkuasa

kesihatan tempatan telah diarahkan untuk melaksanakan program kawalan denggi menjelang peperiksaan "Advanced Level" tahun ini serta sebelum sesi persekolahan bermula.

Berdasarkan data rasmi, Sri Lanka melaporkan lebih 50,000 kes denggi pada tahun 2025. - ©BERNAMA

Utara Republik Perancis masih bergelap susulan Ribut Goretti

PARIS, 11 Jan. - Kira-kira 92,000 isi rumah di Republik Perancis masih terputus bekalan elektrik selepas Ribut Goretti melanda negara itu, lapor Anadolu Ajansi.

Pengendali rangkaian elektrik Republik Perancis, Enedis memaklumkan bekalan elektrik telah dipulihkan kepada lebih tiga perempat daripada 380,000 kediaman yang terjejas oleh ribut itu pada awalnya.

Bagaimanapun, gangguan bekalan masih berterusan di

beberapa wilayah utara dan barat laut termasuk Manche, Calvados, Seine-Maritime, Eure dan Orne.

Pasukan pembaikan masih bertungkus-lumus untuk memulihkan sepenuhnya bekalan, manakala ribut berkenaan turut dilaporkan menjejaskan pengeluaran elektrik negara.

Menurut penyiar awam Franceinfo, syarikat elektrik EDF tidak dapat menghasilkan tenaga di loji kuasa nuklear Flamanville sejak

Khamis malam.

Ribut Goretti membawa angin kencang dengan kelajuan mencecah kira-kira 200 kilometer sejam (km/j) merentasi beberapa bahagian di negara itu. Kelajuan angin tertinggi mencecah 213 km/j direkodkan di Gatteville dalam wilayah Normandy.

Kementerian Dalam Negeri Republik Perancis memaklumkan enam orang mengalami kecederaan ringan akibat bencana itu. - ©BERNAMA

PASUKAN AL MUJAHIDUN JUARAI U11 DAN U13

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Kejohanan Bola Sepak PDBD x Big Elite 5v5

SERIA, Ahad, 11 Januari. - Pasukan Bola Sepak Al Mujahidun tampil cemerlang apabila menjuarai kedua-dua Kategori U11 dan U13 dalam Kejohanan Bola Sepak PDBD x Big Elite 5v5 yang berlangsung di Padang Arena Seria, di sini.

Bagi Kategori U13, naib juara disandang oleh Pasukan Aryanariz Warrior Yakin, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Akademi Falcon.

Sementara itu, Kategori U11 menyaksikan Pasukan BSRC muncul sebagai naib juara dan Akademi Falcon tempat ketiga.

Pegawai Pembangunan Bola Sepak Akar Umbi, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD),

Awang Farid Hanis hadir selaku tetamu kehormat kejohanan dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Kejohanan berkenaan merupakan salah satu usaha untuk memberi pendedahan kepada pemain-pemain akar umbi di samping menggilap potensi pemain-pemain muda.

Kejohanan tersebut telah disertai oleh Pasukan Al Mujahidun, HK FT, Akademi Falcon, BSRC, YFT dan Srat FT.

SESI gambar ramai pada Kejohanan Bola Sepak PDBD x Big Elite 5v5 yang berlangsung di Padang Arena Seria.



Indera SC kongsi 1 mata dengan Kota Ranger FC



Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Ahad, 11 Januari. - Persaingan bola sepak Liga Super Brunei diteruskan lagi hari ini

dengan menyaksikan beberapa perlawanan menarik termasuk perlawanan antara Indera SC dan

AKSI perlawanan di antara Indera SC dan Kota Ranger FC yang mengambil tempat di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Kota Ranger FC yang mengambil tempat di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Jaringan pertama Indera SC dihasilkan pada minit ke-27 melalui Mohammad Aimmil Rahman Ramlee yang berjaya menanduk masuk hantaran kemas yang disudahi dengan sempurna ke gawang Kota Ranger FC.

Indera SC terus bersemangat melakukan beberapa kali serangan ke kubu lawan namun berjaya dihadang dengan baik oleh benteng pertahanan Kota Ranger

FC sehinggalah pengadil meniupkan wisel penamat separuh masa pertama perlawanan.

Bersambung pada babak kedua, Kota Ranger FC tidak menunggu lama untuk menyamakan kedudukan menjadi 1-1 pada minit ke-48 menerusi Awangku Mohammad Azreen Eskander Pengiran Haji Sa'oda yang bijak mengawal bola dan seterusnya menyepak masuk bola ke gawang Indera SC.

Susulan gol tersebut, Indera SC berusaha mencari ruang untuk kembali berada di hadapan sehingga terhasilnya gol kedua pada minit ke-61 menerusi Amir Abada Tawfik Ahmed Bahnasy menjadikan keputusan sementara 2 - 1 berpihak kepada Indera SC.

Walau bagaimanapun pada minit ke-85, Awang Muhammed Alin Syahmi Awang Hossaini pula

bermain cemerlang dengan menanduk masuk gol daripada hantaran sepakan sudut untuk memberikan gol kedua buat Kota Ranger FC.

Kedua-dua pasukan tidak berputus asa untuk mencari gol ketiga dalam beberapa minit terakhir perlawanan untuk memastikan 3 mata penuh diperoleh namun keputusan seri 2 - 2 itu kekal hingga ke wisel penamat sekali gus memberikan satu mata buat kedua-dua pasukan.

Dengan keputusan tersebut Indera SC ketika ini berjaya mencantas kedudukan di puncak Liga Super Brunei dengan 19 mata keseluruhan daripada tujuh perlawanan setakat ini sambil Kota Ranger FC berada tidak jauh di belakangnya di tangga ketiga dengan meraih 17 mata keseluruhannya.

Jerudong FC, KB FC berkongsi mata



Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BERAKAS, Sabtu, 10 Januari. - Saingan bola sepak Liga Super Brunei (Brunei Super League - BSL) bagi Musim 2025 / 2026 diteruskan lagi malam tadi dengan menyaksikan pertembungan menarik antara Jerudong FC yang

berhadapan dengan KB FC berlangsung di padang Kompleks Sukan Berakas.

Bermula pada babak pertama perlawanan, kedua-dua pasukan mempamerkan permainan yang penuh bertenaga dengan saling

ANTARA aksi perlawanan di antara Jerudong FC menentang KB FC bertempat di Padang Kompleks Sukan Berakas (kanan), manakala gambar kiri, sebahagian penyokong yang hadir memberi sokongan.

berbalas melakukan serangan ke kubu pertahanan lawan.

Jaringan pembukaan terlebih dahulu dicipta oleh KB FC pada minit ke-39 menerusi pemain Muhammad Azizul Syafie Tajul Arifin.

Tersentak dengan jaringan berkenaan, Jerudong FC cuba untuk melakukan serangan berbahaya namun berjaya ditepis oleh benteng pertahanan KB FC dan keputusan 1 - 0 menyebelahi KB FC kekal sehingga pengadil perlawanan meniupkan wisel penamat separuh masa pertama.

Masuk pada babak kedua



perlawanan menyaksikan penguasaan bola ditunjukkan oleh KB FC dengan lebih kerap melakukan serangan ke gawang Jerudong FC.

Meskipun ketinggalan 1 - 0, Jerudong FC terus berusaha mengejar gol penyamaan sehingga ia terhasil dicipta pada minit ke-70 menerusi Awang Muhammad Helmi Wafiy Muhammad Ammar Naim sekali gus menjadikan kedudukan 1 - 1.

Walau bagaimanapun, KB FC tidak menunggu lama untuk kembali berada di hadapan apabila Abee Shahrum Gudang berjaya

menjaringkan gol kedua buat pasukannya pada minit ke-75.

Pada saat masa hampir menuju ke minit ke-90, Jerudong FC kembali berjaya mengikat KB FC 2 - 2 apabila Awang Muhammad Husaini Muhammad Erwandy berjaya melakukan jaringan penuh bertenaga bagi menewaskan Firman Taufik Nugraha yang bertindak selaku penjaga gawang KB FC.

Keputusan 2 - 2 kekal sehingga pengadil perlawanan meniup wisel penamat sekali gus menjadikan kedua-dua pasukan terpaksa akur berkongsi satu mata.



ePaper Pelita Brunei



BN ON THE MOVE GALAKKAN MASYARAKAT AMALKAN GAYA HIDUP AKTIF, SIHAT



SUASANA Program BN On The Move Dengan Oyen dan Rakan-rakan yang diadakan di BIBD Connects Temburong, Labu Square (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

TEMBURONG, Ahad, 11 Januari. - Program BN On The Move Dengan Oyen dan Rakan-rakan diadakan pagi tadi di BIBD Connects Temburong, Labu Square, sebagai inisiatif bagi menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat.

Pegawai Perubatan Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, Dr. Faezah binti Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin berkata, pelaksanaan program di daerah berkenaan bertujuan bagi

mendekati serta berhubung dengan masyarakat setempat, selain memperluaskan penyertaan penduduk daerah berkenaan dalam Program BN On The Move.

"Tujuan utama program ini adalah untuk menggalakkan masyarakat agar lebih aktif serta meningkatkan kesedaran mengenai penggunaan aplikasi BruHealth.

"Menerusi aplikasi ini, orang ramai boleh menyertai BN On The Move dan memantau aktiviti kesihatan mereka," katanya

kepada Pelita Brunei.

Beliau menjelaskan, program berkenaan merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan BN On The Move yang sebelum ini telah dilancarkan di BIBD Connect, di ibu negara.

"Pengisian program pada hari ini menumpukan kepada penggalakan gaya hidup aktif termasuk sesi pemanasan badan, aktiviti senaman, kempen derma darah serta pameran.

"Selain itu, pihak PPK turut mengadakan pameran mengenai pemakanan sihat dan kepentingan aktiviti fizikal dalam kehidupan seharian," katanya.

Menurut Dr. Faezah, program tersebut diharap dapat meningkatkan penyertaan masyarakat serta memperkenalkan program BN On The Move dengan lebih meluas kepada orang ramai.

Katanya, program BN On The Move dijadualkan berlangsung sehingga Februari nanti dan setakat ini menerima sambutan

PEGAWAI Perubatan Pusat Promosi Kesihatan (PPK), Kementerian Kesihatan, Dr. Faezah binti Dato Seri Setia Dr. Haji Mohd. Amin.



Program tersebut dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama EVYD Technology, iaitu syarikat yang membangunkan aplikasi BruHealth dan BN On The Move serta bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan aktiviti.

Hybrid Festival Openday himpunkan komuniti kecergasan tempatan



HYBRID Festival Openday yang merupakan sebuah acara kecergasan berskala besar yang menghimpunkan komuniti sukan dan gaya hidup sihat dalam satu festival dengan pelbagai aktiviti menarik.

BERAKAS, Ahad, 11 Januari. - Hybrid Movement Gym buat julung kali menganjurkan Hybrid Festival Openday yang merupakan sebuah acara kecergasan

Berita dan Foto: Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

berskala besar yang menghimpunkan komuniti sukan dan gaya hidup sihat dalam satu festival dengan pelbagai aktiviti menarik.

Acara yang berlangsung meriah di pusat kecergasan berkenaan bermula seawal jam 6.00 pagi tersebut menampilkan rangkaian kelas dan program percuma merangkumi Hybrid Run Club, Hybrid Mobility, Hybrid Kids serta Kelas Strength & Move berjaya menerima sambutan lebih 100 orang penggemar sukan daripada pelbagai latar belakang dan umur.

Festival kali ini juga dimeriahkan dengan aktiviti seperti Lifting Party, cabaran HYROX Throwdown, sesi pemulihan, ice bath, muzik, makanan serta perkongsian ilmu berkaitan kecergasan.

Antara tarikan utama pada festival ini termasuklah Hybrid X Workshop yang memberi pendedahan menyeluruh mengenai Program Hybrid X, yang juga melibatkan struktur latihan, cadangan pembahagian latihan (recommended splits), metrik ujian prestasi (KPI/ testing metric),

pelan hala tuju klien serta panduan untuk memulakan program. Peserta juga berpeluang bertemu secara langsung dengan jurulatih masing-masing serta menyertai bengkel nutrisi pilihan.

Acara Hybrid Festival Openday bukan hanya sekadar hari terbuka, tetapi sebuah platform untuk memperkenalkan pendekatan latihan hibrid yang menggabungkan kekuatan, daya tahan, mobiliti dan prestasi menyeluruh dengan tujuan membina hubungan komuniti yang lebih kukuh dalam kalangan peminat kecergasan tanpa mengira tahap kemampuan.

Dengan slogan 'Eat. Lift. Party.', festival ini sudah semestinya memberikan pengalaman unik yang menggabungkan latihan, pembelajaran dan hiburan dalam suasana yang bertenaga.

Hybrid Festival Openday menjadi antara acara kecergasan paling dinanti-nantikan pada awal tahun 2026 ini, khususnya bagi mereka yang ingin memulakan perjalanan kecergasan dengan pendekatan yang lebih berstruktur dan berprestasi tinggi.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HARGAI MASA DENGAN BAIK DAN BIJAKSANA